Ingin Mimpi JUMPA NABI s.a.w.

???

Oleh:
'ABDULLAH AL-QARI B. HJ. SALLEH
(A.Q.H.A.S.)

INGIN MIMPI JUMPA NABI S.A.W

Bagi orang Mu'min, tiada siapa yang tidak cintakan Junjungan *Nabi Muhammad s.a.w.* Cinta kepada beliau bukanlah menerusi semata-mata kecantikan wajahnya yang memang melebihi wajah orang-orang sezaman beliau sampai Hari Kiamat - sebab beliau adalah *pilihan Allah* daripada semua segi: ruhani dan jasmani; tetapi cinta kepada beliau adalah benar-benar didorong oleh pengenalan batin atau saluran keruhanian di mana beliau adalah *Penghulu sekelian Nabi dan Rasul*; dan beliau memiliki akhlak-akhlak yang tinggi sebagaimana yang diakui Al-Qur'an dan Al-Hadis sendiri.

Allah Yang Maha Bijaksana yang telah menjadikan *mimpi* sebagai suatu peristiwa yang berlaku pada manusia sejak Nabi Adam 'a.s. lagi, adalah dengan kehendak dan kemurahanNya, membuatkan kita dapat mengenali para NabiNya dengan jelas dan terang, sekalipun mereka telah lama wafat tanpa meninggalkan gambar, lukisan atau ukiran.

Akan tetapi tidak semua manusia dapat bermimpi dan berdialog dengan para Nabi 'alaihimushshalaatu wassalam; sebab semuanya ini adalah menurut kehendak Allah S.A.W. sendiri yang menentukan.

Mujurlah dalam peninggalan AL-Hadith dan perbendaharaan buku Islam, masih terdapat segelintir usaha dan bacaan untuk memohon pada Allah agar Dia memberikan mimpi kepada peminat-peminatnya bagi memperoleh kebertuahan hidup: mengenali *kekasih Allah* dan cara hidupnya yang membuahkan kebahagiaan hidup di dunia dan di Akhirat.

ISBN 983-099-029-X

9 789830 990293

Dengan Menyebut Nama Allah Maha Pemurah
dan Maha Penyayang

•AL-HIDAYAH PUBLISHERS•

ILMU CAHAYA KEHIDUPAN

INGIN MIMPI JUMPA
NABI S.A.W. ???

Penulis :
ABDULLAH AL-QARI B. HJ. SALLEH
(`A.Q.HA.S.)

Tajuk :
INGIN MIMPI JUMPA NABI S.A.W. ???

Penulis :
`ABDULLAH AL-QARI B. HJ. SALLEH (*`A.Q.HA.S.*)

Cetakan Kedua 1999

Diterbitkan oleh
AL-HIDAYAH PUBLISHERS
3-1 Kompleks Udarama
Jalan 1/64A Off Jalan Ipoh
50350 Kuala Lumpur
Fax : 03-4444733

KANDUNGAN:

KATA PENGANTAR

الحمد لله القائل: لهم البشرى في الحياة الدنيا وفي الآخرة .

والصلاة والسلام على رسول الله ، ومن تبعه ووالاه .

Bagi orang Mu'min,tiada siapa yang tidak cintakan Junjungan *Nabi Muhammad* shallalaahu `alaihi wasallam. Cinta kepada beliau bukanlah menerusi semata-mata kecantikan wajahnya yang memang melebihi wajah orang-orang sezaman beliau sampai Hari Kiamat - sebab beliau adalah *pilihan Allah* daripada semua segi: ruhani dan jismani;tetapi cinta kepada beliau adalah benar-benar didorong oleh pengenalan batin atau saluran keruhanian di mana beliau adalah *Penghulu Sekalian Nabi Dan Rasul* ; dan beliau memiliki akhlak yang tinggi sebagaimana yang diakui Al-Qur'an dan Al-Hadith sendiri.

Kenal maka cinta. Mengenali sifat batinnya,maka umatnya cinta dan kasih kepada beliau;sekalipun mereka belum melihat wajah beliau.

Para Sahabat yang hidup bersama-sama beliau,memang merasa beruntung dan bertuah sebab dapat melihat dan menyaksikan kehidupan beliau dari dekat serta dapat menerima ajaran dan petunjuk beliau dengan baik.

Allah Yang Maha Bijaksana yang telah menjadikan *mimpi* sebagai suatu peristewa yang berlaku pada manusia sejak Nabi Adam `a.s. lagi,adalah dengan kehendak dan kemurahanNya, membuatkan kita dapat mengenali para NabiNya dengan jelas dan terang, sekalipun mereka telah lama wafat tanpa meninggalkan gambar,lukisan atau ukiran.*

Akan tetapi tidak semua manusia dapat bermimpi dan berdialog dengan para Nabi `alaihimushshalaatu wassalaam;sebab semuanya ini adalah menurut kehendak Allah S.W.T. Sendiri yang menentukan.

Orang-orang yang beriman adalah bak pungguk (semacam burung hantu) merindukan bulan. Pada setiap malam pungguk terbang melonjakkan diri ke udara untuk naik ke langit bagi mencium dan memeluk permukaan bulan purnama raya;tetapi ......apakan daya, tangan tak sampai.

Mujurlah dalam peninggalan Al-Hadith dan perbendaharaan buku Islam,masih terdapat segelintir usaha dan bacaan untuk memohon pada Allah agar Dia memberikan mimpi kepada peminat-peminatnya bagi memperoleh kebertuahan hidup: mengenali *kekasih Allah* dan cara hidupnya yang akan membuahkan kebahagiaan hidup di dunia dan di Akhirat.

* sedang kita dilarang melukis gambar para Nabi.

Imaam Al-Qurtubi r.A. (rahimahullaah) pernah berkata:

المسلم الصادق الصالح هو الذي يناسب حاله حال الانبياء

فأكرم بنوع مما أكرم به الأنبياء ، وهو الاطلاع على الغيب.

"Seseorang Islam yang benar lagi shaalih itu halnya selari dengan keperihalan para Nabi. Maka dia dimuliakan dengan suatu bentuk pemberian yang dimuliakan para Nabi;iaitulah dengan cara dapat melihat perkara ghaib (dalam mimpi)."

[Ruju' "Manaamaat Ar-Rasuul" (66): Majdi Fat-hi As-Sayyid]

Beruntunglah siapa yang telah dikurniakan dapat bermimpi berjumpa Nabi Muhammad s.a.w. di-mana Allah S.W.T. Sendiri telah berfirman:

لَهُمُ ٱلْبُشْرَىٰ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ

"Bagi mereka berita gembira (memperoleh mimpi yang baik) dalam kehidupan di dunia dan di-Akhirat (sebagai tanda *bahagia*)." [Yuunus: 64]

Mimpi ini kerap berlaku di kalangan para `ulamaa',pengarang,wali dan para `arifin;di mana dia menambahkan pengalaman bagi mereka. Dan tidaklah heran kebenarannya menjadi satu bahagian daripada 46 bahagian daripada *Kenabian* (suatu yang benar).

Islam telah pun sempurna;dan peristewa mimpi bukan mencari tambahan keagamaan;cuma menambah keyakinan dan kegembiraan.

Kenali, Serambi Mekah. ***`Abdullah Al-Qari***

21 Dzu Al-Hijjah,1417 H.

1. KEDUDUKAN MIMPI DALAM ISLAM

Bagi para Nabi,mimpi adalah suatu cabang daripada wahyu. Dengan kewafatan Rasulullah s.a.w.,maka wahyu secara mimpi ini menjadi terputus atau tertutup. Apa yang masih ada ialah mimpi sebagai suatu *ilham* bagi para wali;atau sebagai suatu *mubasysyiraat* (berita gembira) bagi orang-orang shaalih.

Sesuatu mimpi yang benar adalah mempunyai kedudukan yang besar di mana dia ditentukan Allah kepada siapa yang Dia kehendaki antara para hambaNya. Dia boleh membantu sesuatu kefahaman dalam Agama;tetapi dia tidaklah membentuk hukum (Syari`at).

Dengan mimpi itu Dia menjadikan seseorang itu merasa gembira dan riang. Menerusi mimpi,Dia menakutkan mereka terhadap kemurkaanNya dan membimbing mereka agar bersabar terhadap bala musibah daripadaNya.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

لَمْ يَبْقَ بَعْدِي اِلاَّ الْمُبَشِّرَاتِ.

"Tiadalah yang tinggal sesudahku selain Al-Mubasysyiraat."

Para Sahabat lalu bertanya:"Apakah Al-Mubasysyiraat itu?"

Beliau s.a.w. menjawab:

اَلرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ يَرَاهَا الرَّجُلُ الصَّالِحُ

"Iaitulah mimpi yang baik (bagus) yang dilihat (disaksikan) oleh seorang yang shaalih."

[H.R.Ahmad;juga Al-Bukhaari]

Manakala mimpi yang baik atau elok adalah merupakan suatu unit daripada 46 unit Kenabian,bagaimana sabda Nabi s.a.w.:

اَلرُّؤْيَا الْحَسَنَةُ مِنَ الرَّجُلِ الصَّالِحِ جُزْءٌ مِنْ سِتَّةٍ وَأَرْبَعِيْنَ جُزْءًا مِنَ النُّبُوَّةِ.

"Mimpi yang elok daripada lelaki yang shaalih itu adalah satu unit daripada 46 unit Kenabian."

[H.R.Al-Bukhaari]

Dengan lain perkataan,mimpi itu adalah merupakan suatu bahagian (unit) yang kecil daripada Kenabian. "Sebahagian Kenabian" adalah bermaksud bahawa dia suatu perkara yang *benar*; sebagai suatu berita,pengawasan dan amaran daripada Allah S.W.T. mengenai sesuatu perkara keagamaan.

Antara banyak perkara yang dilihat dalam mimpi ialah *Rasulullah s.a.w.* Dengan lain-lain perkataan bahawa mimpi melihat Rasulullah s.a.w. adalah merupakan suatu bahagian (macam) mimpi,antara bermacam mimpi. Dia adalah suatu perkara yang benar;disebabkan Allah S.W.T. telah menghadkan keupayaan syaitan untuk meniru atau menjelema dengan rupa Nabi s.a.w.

Ilmuwan Islam pernah menegaskan:

ان رؤيا الرسول (ص) في المنام حق ، وهذا من خصوصياته (ص) على الأصح .

"Sungguhnya mimpi melihat Rasululullah s.a.w. adalah suatu penglihatan yang benar;dan ini merupakan suatu ketentuan bagi Junjungan s.a.w.;berdasarkan pendapat yang lebih tepat.

Justeru itu *Imaam Al-Qurtubi r.A.* berkata:

اَلرُّؤْيَا حَالَةٌ شَرِيْفَةٌ وَمَنْزِلَةٌ رَفِيْعَةٌ

"Mimpi itu merupakan suatu keperihalan yang mulia dan suatu kedudukan yang tinggi."

Ummu Kurz(in) menyebutkan bahawa dia pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

ذَهَبَتِ النُّبُوَّةُ وَبَقِيَتِ الْمُبَشِّرَاتِ

"Telah pergi (berakhir) Kenabian;dan (tetapi) masih ada Al-Mubasysyiraat (mimpi yang menggembi-rakan)."

[H.R.Ahmad,Ibnu Maajah dan Ibnu Khuzaimah]

Mimpi merupakan suatu *tanda kekuasaan Allah* yang dapat dirasakan sendiri oleh setiap orang Mu'min hampir pada setiap malam di mana mimpi merupakan suatu alam tersendiri yang berlaku di Alam Arwaah (Ruuh).

Ini terbukti dalam firman Allah Sendiri:

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦ مَنَامُكُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ

"Dan di antara Ayat-ayat (Tanda-tanda Kekuasaan)Nya ialah tidur (mimpi) kamu di kala malam dan siang."

[Ar-Ruum: 23]

Di mana di dalam tidur anda terdapat bukti-bukti Kekuasaan Allah dan tanda-tanda Ketuhanan dan KetunggalanNya,di mana dalam masa tidur,segala rasa hati atau perasaan menjadi hilang lenyap sehingga jadilah anda seperti seorang yang mati;kemudian anda terjaga (dengan kehendakNya) lalu perasaan anda kembali semula dengan cepat;dan anda berdaya bergerak dengan pantas. Semuanya itu menunjukkan kesempurnaan Keperkasaan Allah S.W.T. Mimpi membantu kehidupan seseorang dan mempunyai hubungan yang erat dengan `aqiidah (kepercayaan).

Abi Qataadah r.`a. pernah memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

اَلرُّؤْيَا الصَّادِقَةُ مِنَ اللهِ وَالْحِلْمُ مِنَ الشَّيْطَانِ

"Mimpi yang benar itu adalah daripada Allah;sedang mimpi yang tidak benar itu daripada (dipengaruhi) syaitan."

[H.R. Al-Bukhaari,Muslim,At-Turmudzi,Ahmad,Ad-Daarimi dan Ibnu Hibbaan]

Menurut *Al-Haafidz Ibnu Hajar Al-`Asqalaani r.A.* : semua (kejadian atau) mimpi itu pada hakikatnya adalah daripada Allah `Azza Wa Jall; manakala mimpi yang benar (baik) itu dinisbah atau dihubungkan kepada Allah;sedang mimpi yang tidak benar (buruk) itu disandarkan kepada syaitan.

Manakala menurut *Imaam Al-Baghawi r.A.* : Bahwa mimpi yang baik itu merupakan suatu berita gembira daripada Allah untuk mengelukkan persangkaan pemimpi terhadap Allah; sebaliknya mimpi yang buruk itu diperlihatkan syaitan untuk menduka-citakannya dengan mengadakan persangkaan yang buruk terhadap Allah S.W.T.

[Ruju` kitab "Manaamaat Ar-Rasuul" (68)]

Ya, memanglah mimpi yang baik merupakan suatu berita gembira daripada Tuhan Pencipta Alam Sendiri; di mana Nabi s.a.w. pernah bersabda:

خَيْرَ مَا يَرَى أَحَدُكُمْ فِيْ الْمَنَامِ أَنْ يَرَى رَبَّهُ أَوْ بِنَبِيِّهِ أَوْ يَرَى أَبَوَيْهِ مُسْلِمِيْنَ .

"Sebaik-baik mimpi yang dilihat seseorang kamu dalam tidurnya ialah dia bermimpi melihat Tuhannya (dalam sifat tidak serupa dengan makhluk),atau melihat NabiNya;atau dia bermimpi me-

lihat kedua ibubapanya yang Islam (yang telah meninggal)."

(Mendengar demikian) para Sahabat bertanya:

يَا رَسُوْلَ اللهِ ، وَهَلْ يَرَى أَحَدٌ رَبَّهُ ؟

"Wahai Rasulullah, dapatkah seseorang bermimpi melihat Tuhannya?"

Beliau s.a.w. menjawab:

اَلسُّلْطَانُ ، وَالسُّلْطَانُ هُوَ اللهُ تَعَالَى

"(Dia ialah Tuhan) Yang Maha Berkuasa; sedang Yang Maha Kuasa itu ialah Allah Ta`aala (yang boleh memperlihatkan DiriNya kepada hambaNya dalam mimpi)."

[Ruju` kitab "Tafsiir Al-Ahlaam Min Wahy Ad-Diin Wa Al-`Ilm" (15)]

Ya,begitulah tinggi nilainya sesebuah mimpi yang benar dalam Islam;cuma mimpi tidaklah boleh menjadi hujjah (alasan;dalil) hukum;disebabkan semasa Rasulullah s.a.w. wafat, pembentukan Agama (Syari`at) telah pun sempurna bagaimana yang diakui Allah dalam Al-Qur'an;dan wahyu telah terputus:

اَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

"Pada hari ini (Haji Perpisahan Nabi),Aku sempurnakan bagimu Agamamu;dan Aku telah cukupkan ke atasmu ni`matKu;dan Aku ridhakan Islam menjadi Agama bagimu." [Al-Maa'idah: 3]

2. BAHAGIAN-BAHAGIAN MIMPI

Sebagai seorang Rasul Agung yang membawakan Agama yang tertinggi dan terlengkap, Rasulullah s.a.w. telah pun membahagikan mimpi kepada tiga bahagian yang besar:

Abu Hurairah r.`a. memberitakan Nabi s.a.w. telah bersabda:

اَلرُّؤْيَا ثَلاثَةٌ : فَرُؤْيَا الصَّالِحَةِ بُشْرَى مِنَ اللهِ ، وَرُؤْيَا تَحْزِيْنٌ مِنَ الشَّيْطَانِ ، وَرُؤْيَا مِمَّا يُحَدِّثُ الْمَرْءُ نَفْسَهُ .

"Mimpi itu tiga bahagian (macam),maka mimpi yang baik itu sebagai suatu berita gembira daripada Allah; mimpi (yang buruk mengandung) dukacita (dicetuskan) oleh syaitan;dan (suatu lagi) mimpi yang terbit daripada pernyataan jiwa seseorang (yang terbit daripada dirinya sendiri)."

[H.R.Al-Bukhaari,Muslim,Abu Daawuud dan At-Turmudzi]

Justeru itu *Imaam Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah r.A.* secara mudah membahagikan mimpi itu kepada 3 bahagian,iaitu:

(1) Mimpi yang datang daripada Allah Ta`aala.
(2) Mimpi yang datang (dengan gangguan) daripada syaitan.
(3) Mimpi yang terbit daripada (pernyataan) jiwa.

Mimpi yang baik biasanya berlaku di dua pertiga malam;sebab di kala ini turunnya rahmat dan para Mala'ikat;manakala mimpi yang buruk biasanya berlaku di awal malam di mana sejak senja lagi sehingga awal malam, syaitan beroperasi dengan giat bagi mengganggu dan memesungkan `aqiidah dan ketenangan hati orang Islam. Seterusnya,mimpi yang dari pernyataan jiwa juga berlaku di awal malam ;sebagai suatu cetusan hati yang tidak dapat ditahan-tahan.

Mimpi yang baik lagi benar adalah menggembirakan di mana dia memberitakan perkara-perkara yang akan berlaku dengan bentuk yang nyata yang tak memerlukan banyak ta`biran atau penyesuaian ma`na atau maksud. Mimpi ini kerap disebut *Ru'ya* (mimpi yang baik) ;dan dia boleh dita'birkan.

Mimpi yang buruk lagi dikatakan dusta adalah membawa kerunsingan hati (dukacita) sebab dia dipengaruhi syaitan yang bertujuan mewaswas dan menyesatkan manusia. Mimpi ini kerap disebut *Hilm* (mimpi yang buruk) atau *Mimpi Waswas* yang diganggu syaitan. Dia tidak boleh dita`birkan.

Seterusnya mimpi *Cetusan Jiwa* disebut *Hadiith An-Nafs* ,merupakan pernyataan jiwa atau mimpi yang terbit daripada lamunan manusia sendiri yang sangat aktif atau terlalu berminat kepada sesuatu keinginan semasa bermain,berpesta,bercinta, berfikir,

beradu (dalam mana-mana peraduan) di siang hari. Mimpi ini biasa pula didorong oleh nafsu-nafsu *Ammaarah* (yang mendorong berbuat jahat),*Al-Lawwaamah* (yang suka mencela);jauh sekali daripada nafsu *Mutma'innah* (yang tenang-tenteram). Mimpi atau igauan ini tidaklah perlu kepada ta`bir.

Mimpi Yang Baik atau *Benar* dapat pula dilihat dalam beberapa aneka keadaan,iaitu:

1. Dia disebut *Ilhaam* di mana dia dicampakkan Allah Ta`aala ke dalam hati seseorang hamba,berupa percakapan yang dicakapkan Allah kepada seseorang hambaNya semasa tidur. Demikian menurut *`Ubaadah B.Ash-Shaamit* dan selainnya.
2. Mimpi yang dicetuskan oleh *Mala'ikat Mimpi* yang diberi tugas memberi mimpi kepada seseorang,di-kala dia mendekatinya.
3. Mimpi di kala ruh orang yang tidur bertemu dengan ruh-ruh orang yang telah mati yang terdiri daripada anak-isteri,keluarga,sahabat-handai dan selain mereka.
4. Ruh seseorang (di kala tidur) naik mendaki kepada Allah S.W.T. dan menyembahkan kata-kata kepada Allah S.W.T.
5. Ruh seseorang memasuki Syurga dan menyaksikan (kesenangan)nya;dan selainnya.

Tepatlah apa yang difirmankan Allah terhadap orang-orang Mu'min:

لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فِي الْحَيَوٰةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ

"Bagi mereka berita gembira dalam kehidupan di dunia dan di Akhirat."

[Yuunus: 64]

Abu Ad-Dardaa' r.'a. memberitakan ada para Sahabat yang menanyakan Nabi s.a.w. mengenai kata *al-busyra* dalam Ayat ini,maka Nabi s.a.w. menjawab:

الرُّؤْيَا الصَّالِحَةُ يَرَاهَا الْمُسْلِمُ أَوْ تُرَى لَهُ

"Ialah mimpi yang baik yang dilihat (dimimpikan) seseorang atau diperlihat kepadanya (sesuatu mimpi)."

[Al-Hadith]

3. PERIHAL RUH SEMASA TIDUR

Di halaman lalu telah pun disebutkan bahawa suatu antara *Tanda-tanda Kekuasaan Allah S.W.T.* ialah *tidur manusia.* Tidur adalah saudara atau adik-beradik mati: tiada siapa yang dapat mengetahui dengan tepat,bila seseorang akan tidur;demikian juga bila dia akan sedar atau bangkit kembali. Semua peristewa ini amat rapat hubungannya dengan kepercayaan kepada kematian dan kebangkitan kembali (sesudah mati).

Allah Yang Maha Berkuasa menciptakan manusia daripada tiada kepada ada;Dia menjadikan peristewa tidur sebagai tanda kelemahan manusia,di mana Dia berfirman:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي
لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَى عَلَيْهَا الْمَوْتَ
وَيُرْسِلُ الْأُخْرَى إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ
لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾

"Allah memegang jiwa-jiwa (nyawa) makhluk ketika mereka mati dan jiwa-jiwa yang belum mati ketika tidurnya, maka Dia menahan ruh-ruh yang Dia tetapkan matinya (di kala malam);dan Dia melepaskan sebahagian ruh-ruh lainnya sampai waktu yang ditentukan (yang tidak terus mati).Sungguhnya kejadian itu menjadi *Tanda Kekuasaan Allah* bagi orang-orang yang berfikir." [1] [Az-Zumar :42]

Asy-Syaikh Isma'il Al-Haqqi pernah memberi penjelasan mengenai Ayat ini,antara lain:

Allah memegang ruh-ruh manusia, (di kala sedang tidur) lepas daripada badannya dengan memutuskan hubungan dan penguasaan ruh-ruh itu ke-atas badan lahir dan batin bagi orang-orang yang mati;sehingga hilanglah perasaannya dan gerak badannya,maka kelihatan badan itu laksana kayu yang kering;demikian pula akalnya,iman dan ma`rifahnya hilang beserta ruhnya.

Kecuali orang yang tidur,diputuskan hubungan dan penguasaan ruh ke atas badan,hanya lahirnya sahaja,tidak beserta batinnya. Sebab orang yang tidur itu dia masih bernafas,boleh bergerak;sebab masih ada hubungan antara ruh dengan badannya;hanya hubungan ruh di kala tidur itu ialah dengan ruh hayawaani (ruh hidupan),di mana orang yang sedang tidur itu tidak berakal dan tidak tamyiiz (sedar) sebab kehilangan ruh rabbaani (yang dihubungkan kepada Kekuasaan Ilahi).

Mengenai situasi ruh itu di kala tidur,ialah:

1 Menurut *`Ali B.Abi Taalib r.`a.* bahawa ruh di kala tidur itu keluar daripada badan manusia;yang tinggal hanya sinarnya sahaja,masih dalam badan. Justeru itu ruh itu gemar bermimpi. Kemudian bila manusia bangun,ruh itu segera kembali ke dalam badan dengan pantas sekali.

2. Ada riwayat yang mengatakan bahawa ketika tidur itu ruh-ruh orang Mu'min naik ke langit. Siapa tubuhnya berkeadaan suci,dia diidzinkan bersujud kepada Allah S.W.T. dan mungkin diidzinkan berdialog dengan Allah.

3. Menurut sumber *Sa`iid B.Jubair r.`a.* bahawa sewaktu tidur,ruh orang yang hidup boleh bertemu dengan ruh orang-orang yang sudah mati dan boleh berhubung cakap seidzin Allah. Manakala sebahagian orang yang tidur itu terus ditahan,iaitu terus mati.

4. HAKIKAT PERISTEWA MIMPI

Dalam Kata Pengantar kitab "Tafsiir Al-Ahlaam" (7) bagi Ibnu Siiriin dan An-Nablusiy,antara lain cuba ditimbulkan:

يظن بعض الناس أن الأحلام كلها أضغاث، وأنها ليست من الحقيقة شيء ، وأنها نتيجة أحداث الأيام ، وأن الانسان يجب أن يحدث أمرا مستقيما أو يستقيم على منهج ، فلا يرى ما يخوفه ويروعه .

"Sebahagian orang menyangka bahwa mimpi itu semuanya igauan atau permainan syaitan;dan sungguhnya peristewa mimpi itu bukanlah suatu hakikat (yang benar-benar);cuma dia berlaku sebagai akibat kegiatan hidup sehari-hari;dan sungguhnya seseorang itu perlu melakukan suatu perkara yang lurus (betul) atau dia memperluruskan diri di atas sesuatu *cara hidup* (yang betul);maka dia tidaklah perlu memikirkan apa yang menakut atau menghantuinya (dalam mimpinya)."

والحق أن الأحلام لها أصل في شريعة الاسلام ، وعلم تأويلها علم اعترف به العلماء واشتغل به كثير منهم ولصعوبته قل علماؤه .

"Sedangkan yang sebenarnya mimpi itu dasarnya ada dalam Syari`at Islam;manakala Ilmu Ta`bir Mimpi pula merupakan suatu ilmu yang diakui `ulamaa' (dan beritanya terdapat dalam Al-Qur'an), manakala ramai di antara mereka menjalankan kajian dalam ilmu ini;dan kerana sukarnya (untuk memberi ta`bir),maka tidaklah ramai pakar (ahli)nya."

Justeru itu tidaklah hairan bila sebahagian tokoh Madzhab Qadariyyah mengatakan:

الرؤيا لا حقيقة لها أصلا

"Tiadalah hakikat mimpi itu sama sekali."

Manakala sebahagian sarjana Theologi (Al-Kalaam) menjelaskan:

هي مدركة بعينين في القلب

"Mimpi itu ialah tanggapan yang dilihat menerusi dua mata hati (mata dalam)."

Imaam Muhyiddiin An-Nawawi r.A. pernah mengutip perkataan *Al-Maarizi r.A.* yang menjelaskan:

ان الله سبحانه يخلق في قلب النائم اعتقادات كما يخلقها في قلب اليقظان ، وهو سبحانه يخلق ما يشاء ، لا يمنعه نوم ولا يقظة ، وقد جعل سبحانه تلك الاعتقادات علما على أمور اخر يخلقها في ثاني الحال .

"Sungguhnya Allah S.W.T. membentukkan beberapa tanggapan dalam hati seseorang yang tidur (dalam mimpi),sebagaimana juga Dia membentukkannya dalam hati yang jaga;dan Dia S.W.T. menjadikan apa yang Dia kehendaki;tiadalah terhalang oleh seseorang yang tidur,dan tiada pula yang jaga;dan sungguhnya Dia telah menjadikan tanggapan-tanggapan itu sebagai tanda-tanda terhadap perkara-perkara lain (akan datang) yang di wujudkannya dalam keperihalan kedua."

Mengenai hakikat bermimpi jumpa Nabi Muhammad s.a.w.,mungkin ada orang yang membuat anggapan mudah bahawa peristewa mimpi jumpa Nabi s.a.w. ini adalah digerakkan oleh Nabi s.a.w. sendiri,dimana terbayang bahawa Rasulullah s.a.w. ingin menjumpai seseorang untuk sesuatu kepentingan menegakkan Agamanya atau lain-lain.

Ya,bukanlah begitu! Sebenarnya peristewa mimpi itu,demikian juga setiap suatu gerak atau diam di alam ini,sama ada di Alam Nyata atau Alam Ghaib,dia tidaklah bergerak atau diam,melainkan semuanya dengan kehendak dan idzin Allah S.W.T. ,Tuhan Maha Pentadbir,Maha Pencipta.

ما شاء الله كان ، وما لم يشاء لم يكن

"Apa-apa yang Allah kehendaki,dia berlaku;dan apa-apa yang Dia tidak kehendaki,tidaklah berlaku."

Demikianlah suatu konsep `aqiidah yang menjadi pegangan para Sahabat Nabi s.a.w. yang diterima daripada Nabi s.a.w.,selari dengan konsep yang ada dalam Kitab Suci Al-Qur'an sendiri.

Jadi,peristewa mimpi itu sebenarnya bukanlah dari kehendak Rasulullah s.a.w. sendiri;tetapi ialah terus datangnya daripada Allah Ta`aala,dengan kehendak dan idzinNya. Dia merupakan suatu pemberian atau berita gembira kepada seseorang untuk memperoleh sesuatu kebaikan atau untuk menukarkan corak hidupnya kepada yang lebih baik.

Seterusnya menurut *Al-Qaadhi Abu Bakr Ibnu At-Tayyib r.A.* dan lainnya:

أن رؤيته في كل حالة ليست باطلة ، ولا أضغاث ، بل هي حق في نفسها ، ولو روي على غير صورته ، فتصور تلك الصورة ليس من الشيطان، بل هو من قبل الله .

"Sungguhnya bermimpi jumpa Nabi s.a.w. itu pada setiap keperihalannya bukanlah palsu (tidak sebenar) dan bukan pula lamunan (gangguan) syaitan;malah dia adalah suatu mimpi yang benar-benar berlaku,sekalipun beliau dilihat pada bukan rupanya,maka rupa yang dilihat itu bukanlah rupa yang dirupakan syaitan;malah adalah dia datang daripada pihak Allah."

[Ruju` kitab "Ar-Ru'a Wa Al-Ahlaam"(68-69)]

Hujjah Al-Islaam,Imaam Al-Ghazaali r.A. pernah menulis:

ليس المراد أنه يرى جسمه الشريف وبدنه ، بل مثالا.
صار ذلك المثال آلة يتأدى بها المعنى الذي هو نفسه :
والآلة تارة تكون حقيقية ، وتارة تكون خيالية والنفس غير
المثال المتخيل . فما رآه من الشكل ليس هو روح المصطفى
(ص) ولا شخصه : بل هو مثال على التحقيق .

"Bermimpi jumpa Nabi s.a.w. itu tidaklah bererti seseorang melihat tubuh-badan beliau yang mulia; cuma dalam bentuk bayangan (gambaran). Bayangan itu hanya menjadi alat yang dapat menyampaikan kepada ma`na,iaitulah diri peribadi beliau s.a.w. sendiri.

Alat (gambaran) itu pada suatu kalinya berlaku secara hakikat (sebenar);dan terkadang berlaku secara bayangan;sedang diri beliau bukanlah gambaran yang dikhayalkan. Maka apa-apa bentuk yang dilihat itu bukanlah dia *ruh Nabi Muhammad s.a.w.* dan bukanlah diri peribadi beliau: malah dia suatu gambaran yang berdasarkan yang sebenar."

[Ruju` kitab "Mafaatiih Min Al-Mafaatiih"(90)]

Ya, begitulah hakikat mimpi: ada mimpi yang benar dan ada pula mimpi yang sebaliknya;sedang mimpi jumpai Nabi s.a.w. adalah semuanya benar.

5. SYAITAN TAK BERDAYA MENJELEMA RUPA NABI

Sewaktu seseorang bermimpi jumpa Nabi s.a.w.,tiadalah mimpinya diganggui syaitan. Kenyataan ini adalah berdasarkan banyak Hadith Nabi s.a.w.

Anas B. Maalik r.A. memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ رَآنِيْ فِيْ الْمَنَامِ فَقَدْ رَآنِيْ ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ يَتَخَيَّلُ بِيْ

"Siapa melihatku dalam tidur (bermimpi),maka sungguhnya dia telah melihatku (yang sebenar);kerana sungguhnya syaitan itu tidaklah berdaya menyerupaiku." [H.R.Ad-Dailami]

Manakala dalam suatu riwayat *Anas* yang lain berbunyi:

مَنْ رَآنِيْ فِيْ الْمَنَامِ فَقَدْ رَآنِيْ ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ يَتَمَثَّلُ بِيْ

"Siapa melihatku dalam tidur,maka sungguhnya dia telah melihatku (dengan sebenar);kerana sungguhnya syaitan tidaklah boleh menyerupaiku." *

Abi Sa`iid Al-Khudri r.`a. pula mendengar Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ رَآنِيْ فَقَدْ رَأَى الْحَقَّ ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ يَتَكَوَّنُنِيْ

"Siapa bermimpi melihatku,maka sungguhnya dia telah melihat (rupaku) yang sebenar;kerana sung-

* [H.R.Ahmad,Al-Bukhaari,At-Turmudzi dan Ibnu As-Sunni:*Shahih*]

guhnya syaitan tidaklah boleh ınenjelema dengan rupaku."

[H.R.Al-Bukhaari dan Ibnu Maajah] Juga R.Ahmad

Seterusnya *Abi Qataadah r.`a.* memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ رَآنِيْ فَقَدْ رَأَى الْحَقَّ ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ يَتَرَاءَ بِيْ

"Siapa bermimpi melihatku,maka sungguhnya dıa melihat (rupaku dengan) yang sebenar;kerana ·ungguhnya syaitan itu tidaklah dapat menjelema dengan (rupa)ku." [H.Sepakat Bukhaari-Muslim &Ahmad *

Terdapat lagi dua buah Hadith:

إِنَّهُ الشَّيْطَانَ لاَ يَسْتَطِيْعُ أَنْ يَتَمَثَّلَ بِيْ

"......Sungguhnya syaitan itu tidaklah berdaya untuk menyerupaiku."

[H.R.At-Turmudzi (sumber Ibnu Mas`uud) dan Ibnu Maajah : *Shahih*]

إِنَّهُ لاَ يَنْبَغِيْ لِلشَّيْطَانِ أَنْ يَتَمَثَّلَ بِيْ

"Sungguhnya tidaklah wajar bagi syaitan menyerupaiku."

[H.R.Muslim (sumber Jaabir) dan Ibnu Maajah]

Para Nabi bertugas membawa jalan yang lurus;sedangkan syaitan membawa jalan bengkuk.Perbezaan antara keduanya terlalu jauh,antara langit dengan bumi.

* berakhirkan kata-kata: "la yatarayaabi"

Menurut *Al-Qaadhi `Ayyaadh :* Sebahagian `ulamaa' berkata: "Hanya khusus bagi Junjungan Nabi Muhammad s.a.w.,seseorang boleh bermimpi melihat wajah beliau *secara sebenar* dan semuanya benar;dan syaitan dihalangi dari menyerupai rupa Nabi agar dia tidak berdusta menerusi lidahnya. Seandainya berlaku demikian,akan menjadi kesamaranlah antara yang benar dengan yang palsu;dan tidaklah lagi dipercayai terhadap apa yang dibawa beliau."

[Ruju' kitab "Manaamaat Ar-Rasuul" (73)]

Manakala *Imaam An-Nawawi r.A.* menegaskan:

الصحيح أنه يراه حقيقة ، سواء كان على صفته المعروف أو غيرها .

"Menurut pendapat yang shahih bahawa seseorang yang bermimpi melihat Nabi s.a.w. itu adalah dia melihatnya dalam keadaan sebenar, sama ada menurut sifat-sifat beliau yang diketahui ramai (seperti dalam buku-buku Siirah) atau selainnya (sebab mimpi mengenai beliau tidak dipengaruhi syaitan)."

Demikianlah juga pendapat *Al-Qaadhi Abu Bakr Ibnu At-Tayyib* dan lainnya. Keadaan-keadaan Nabi s.a.w. semasa muda,tentulah agak berbeza dengan semasa mencapai dewasa dan sebelum wafat.

Ya, rupa para Nabi `alaihimush-shalaatu was-salaam, adalah terpelihara dari ditiru atau dijelemakan oleh syaitan-syaitan;istimewa Junjungan Nabi Muhammad s.a.w., Rasul Penutup dan Penghulu bagi semua para Nabi dan Rasul.

Syaitan tidaklah boleh menjelema dengan rupa Nabi Muhammad s.a.w.;sebab kalau syaitan diberi kemampuan berbuat demikian,maka akan rusaklah Agama (Samaawi) ini,sejak Nabi Adam `a.s. sehinggalah ke Hari Kiamat.

Cuma dalam perkara ini,syaitan boleh menjelema dengan rupa yang hampir serupa dengan Nabi Muhammad s.a.w.;di mana bagi siapa yang tidak mengenal sifat-sifat rupa beliau,mungkinlah dia dikelirukan syaitan,sebagaimana juga syaitan merupakan dengan rupa-rupa ibubapa seseorang yang telah meninggal dalam bentuk yang agak berbeza.

Syaitan juga boleh menjelema dengan rupa yang mirip Nabi Khidhr,menyebabkan banyak Ahli Tariqat membuat pengakuan berjumpa dengan Nabi Khidhr;sedangkan Khidhr sudah pun lama pergi (meninggal) ,tiada lagi kedengaran beritanya.Sila ruju` buku kami "Khidhr Masih Hidup?"

Asy-Syaikh Mahmuud Hasan Rabii` menempelak:"Dan apabila syaitan tidak boleh menyerupai Nabi s.a.w. dalam mimpi,maka lebih tidak mungkin di kala jaga."

6. INGIN MIMPI JUMPA NABI

Rasulullah s.a.w. sewaktu beliau wafat,beliau telah meninggalkan dua buah pusaka Syari`at yang paling berharga,iaitulah:

1. *Kitab Suci Al-Qur'an.*
2. *Perbendaharaan Al-Hadith dan As-Sunnah.*

Selain beliau meninggalkan sabda-sabda;para Sahabat merakamkan pula beberapa perakuan (ikrar) dalam semua perkara,sehingga kepada segala gerak-geri dan senyum beliau s.a.w.

Di kala beliau s.a.w. wafat, Syari`at Islam yang ditinggalkan beliau telah pun sempurna (ruju` Ayat 3 Al-Maa'idah;halaman 10).

Kerana itu seseorang umat yang ingin berjumpa Nabi s.a.w.,bukanlah lagi berkehendak untuk mempelajari Agama yang dibawanya;sebab semuanya sudah ada dengan lengkap dan detail dalam Al-Qur'an dan Al-Hadith;akan tetapi ialah untuk mendapatkan beberapa faedah bagaimana yang akan dipaparkan dihujung buku ini.

Terdapat dua cara untuk bermimpi jumpa Nabi:

(1) Dapat bermimpi dengan kehendak atau kurnia Allah S.W.T.

(2) Dengan berikhtiar untuk bermimpi: sama ada menerusi sembahyang,bacaan dan do`a-do`a yang digunakan khusus untuk perkara ini.

(3) Melaksanakan Sunnah beliau sepenuhnya.

7. CARA-CARA MENDAPAT MIMPI

Adapun cara-cara untuk memperoleh mimpi berjumpa Nabi s.a.w.,antara lain:

(1) Melakukan Sembahyang Sunat:

(1) Cara Pertama:

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي (ص) أنه قال :

من صلى ليلة الجمعة ركعتين يقرأ في كل ركعة فاتحة

الكتاب وآية الكرسي مرة ، وخمس عشرة مرة (قل هو الله

أحد) ، ويقول في آخر صلاته ألف مرة (أَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى

مُحَمَّدِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ *)، فإنه يراني في المنام .

ولا تتم له الجمعة الاخرى الا وقد رآني، ومن رآني فله

الجنة وغفرله ما تقدم من ذنبه وما تأخر .

"*Abu Hurairah r.`a.* memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:"Siapa sembahyang (Sunat) pada malam Jumu`at,dua rakaat,di mana dia membacakan pada setiap rakaat:

Al-Faatihah , 1 kali;

Ayat Al-Kursi, 1 kali;

Qul huwallaahu ahad, 15 kali;

Dan dia membacakan (selawat) di akhir sembahyangnya: (seperti di atas); 1,000 kali, maka

* **Muhammadinin-Nabiyyil-Ummiyy**

sungguhnya dia akan melihatkan saya dalam tidur;dan tiadalah menjelang Jumu`at yang satu lagi melainkan dia akan bermimpi melihat saya.

Dan (seterusnya) siapa yang bermimpi melihat saya,maka dia akan memperoleh *Syurga*;dan akan *diampunkan* segala dosanya yang terdahulu dan yang terkemudian."

[Ruju` "Tafsiir Al-Ahlaam"(94): Ahmad Ash-Shabaahi Audhillaah .Juga `amalan `Ab.Qaadir Al-Jiilaani]

(2) Cara Kedua:

قال صلى الله عليه وسلم : من أراد أن يراني في المنام فليصل في ليلة الجمعة أربع ركعات بتسليمتين . ويقرأ في كل ركعة فاتحة الكتاب والضحى وألم نشرح وانا أنزلناه واذا زلزلت الارض ، ثم يسلم ويصلي علي سبعين مرة ويستغفر الله تعالى سبعين مرة ، ثم ينام ، فإنه يراني في المنام

"Siapa ingin melihatku dalam tidur,maka hendaklah dia bersembahyang (Sunat) pada malam Jumu`at, 4 rakaat dengan 2 salam;dan hendaklah dia membaca pada setiap rakaat,akan:

Al-Faatihah, 1 kali;
Suurah Adh-Dhuha, 1 kali;

Alam Nasyrah, 1 kali;
Inna Anzalnaah, 1 kali;
Idza Zulzilatil- ardh, 1 kali.

Kemudian dia bersalam; dan dia berselawat kepadaku (seperti ucapan dalam Sembahyang Pertama),70 kali;

Dan dia beristighfar pada Allah Ta`aala (seperti ucapan:

رَبَّنَا ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ ٱلْحِسَابُ ﴿٤١﴾

"Wahai Tuhan kami,ampunilah aku dan kedua ibubapaku;juga kepada orang-orang Mu'min pada hari dijalankan Perhitungan (Amalan)."

[Ibraahiim:41]),70 kali.

Kemudian hendaklah dia tidur,maka sungguhnya dia akan melihatku dalam tidurnya."

[Ruju` "Tafsiir Al-Ahlaam" (94): Ah.Ash-Shabaahi;dan "Mafaatiih Min Al-Mafaatiih"(91) .Juga "Majma` Al-Hadith"

Dalam riwayat lain berhujungkan Ayat:

ثم ينام مصليا ، رآني في المنام

"Kemudian hendaklah dia tidur dalam keadaan bersembahyang (berwudhu'),dia akan melihatku dalam tidurnya."

(3) Cara Ketiga:

قال صلى الله عليه وسلم : أن من صلى ليلة الجمعة ركعتين ، يقرأ في كل ركعة فاتحة الكتاب وآية الكرسي

خمس عشرة مرة . فإذا فرغ من الصلاة صلى علي ألف مرة ، فإنه يراني.

"Sungguhnya siapa yang bersembahyang 2 rakaat pada malam Jumu`at,di mana dia membaca pada setiap rakaat akan:
Al-Faatihah, 1 kali;
Ayat Al-Kursi, 15 kali.

Maka apabila selesai dari sembahyang, hendaklah dia *berselawat kepadaku* (seperti dalam Sembahyang Pertama), *1,000 kali;* maka sungguhnya dia akan melihatku (dalam mimpi)."

[Ruju' "Tafsiir Al-Ahlaam"(94):Ah.Ash-Shabaahi;"Mafaatih"(91) dan "Kitaab Al-Adzkaar":Qutb Al-Aqtaab]

(4) Cara Keempat:

Cara ini disebut "Shalaah Al-Faatih": iaitu sembahyang 4 rakaat pada malam Khamis,Jumu`at atau Ithnain, di mana (sesudah membaca Al-Faatihah pada setiap rakaat):
Rakaat Pertama dibacakan Suurah Al-Qadr, 3 kali;
Rakaat Kedua dibacakan Az-Zalzalah, 3 kali;
Rakaat Ketiga dibacakan Suurah Al-Kaafiruun; 3 kali

Dan hendaklah dia membakar kayu Gaharu (mengharumkan majlis). Jika dia berbuat dengan ber-

sungguh-sungguh,maka dia akan berjaya,iaitu dia susuli dengan membaca 1,000 kali selawat ini:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ* الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ ، وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ ، نَاصِرِ الْحَقِّ بِالْحَقِّ ، وَالْهَادِي اِلَى الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيْمِ ، وَعَلَى آلِهِ حَقَّ قَدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيْمِ .

"Wahai Allah,sanjungilah ke atas kekasih kami Junjungan Nabi Muhammad, pembuka bagi yang terkunci,penutup bagi (para Rasul) yang terdahulu,penulung yang benar dengan kebenaran dan penunjuk (pembimbing) ke jalan yang lurus;juga ke-atas keluarga beliau dengan sebenar-benar kedudukan dan jumlahnya yang besar."

Sumber selawat ini disandarkan kepada *Sidi Muhammad Al-Bakri r.A.*

[Ruju' kitab "Mafaatiih"(93)]

(5) Cara Kelima:

Siapa ingin berjumpa Nabi Muhammad s.a.w.,maka hendaklah dia bersembahyang Sunat 2 rakaat. Sesudah selesai sembahyang,hendaklah dia membaca 100 kali do'a ini:

يَا نُوْرَ النُّوْرِ ، يَا مُدَبِّرُ . بَلِّغْ عَنِّيْ رُوْحَ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ وَأَرْوَاحَ آلِ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ تَحِيَّةً وَسَلَامًا .

* **Muhammadinil-Faatihi**

"Wahai Tuhan,Nur bagi nur (sumber cahaya),Tuhan yang mentadbir (mengatur segala urusan);sampaikanlah kepadaku (nur) ruh kekasih kami Muhammad dan (nur) ruh-ruh keluarga kekasih kami Muhammad, sebagai suatu penghormatan dan kesejahteraan."

[Ruju` kitab "Mafaatiih"(92)]

(6) Cara Keenam:

Suatu cara sembahyang Sunat telah ditunjukkan oleh *Imaam Muhammad B.Yuusuf As-Sanuusi Al-Hasani*,bagi tujuan bermimpi jumpa Nabi s.a.w. iaitu dengan cara bersembahyang 2 rakaat,setiap rakaat sesudah Al-Faatihah,dibacakan *Qul huwallaahu ahad*, 100 kali.

Sesudah sembahyang,hendaklah memohonkan do`a:

اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ عَلَى عَظَمَتِكَ وَعَلَى مُلْكِكَ وَمُنْتَهَى الرَّحْمَةِ مِنْ رِضْوَانِكَ .

اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِكَرَمِ وَجْهِكَ وَعِزِّ جَلَالِكَ .

اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ عَلَى دَوَامِ اِحْسَانِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ .

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ أَسْأَلُكَ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَبِنُوْرِ وَجْهِكَ الْكَرِيْمِ الَّذِيْ أَشْرَقَتْ بِهِ السَّمٰوَاتُ وَالْأَرَضُوْنَ .

أَسْأَلُكَ بِاسْمِكَ الَّذِيْ الْمَطَـرَ وَالرَّحْمَـةَ عَلَى مَـنْ تَشَـاءُ مِـنْ عِبَـادِكَ .

اَللّٰهُمَّ اِنَّكَ أَنْتَ اِلٰهُنَا ، وَأَنْتَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْـرٌ .

اَللّٰهُمَّ يَا مُحْسِنُ ، يَا مُجَمِّلُ ، يَا مُتَفَضِّلُ ،

أَسْأَلُكَ بِحَقِّ مَا دَعَوْتُكَ بِهِ أَنْ تُرِيَنِيْ فِيْ مَنَامِيْ هٰذَا وَجْهَ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صلى الله عليه وسلم .

"Wahai Allah,kepada Engkaulah pujian terhadap Kebesaran Engkau, Kerajaan Engkau dan puncak rahmat (kebaikan) Engkau berupa *Keridhaan Engkau.*

Wahai Allah, kepada Engkaulah pujian sebagaimana yang layak bagi Kemuliaan Wajah Engkau dan Keperkasaan Kebesaran Engkau.

Wahai Allah,kepada Engkaulah pujian terhadap berterusannya keihsanan Engkau dan keelokan peribadatan kepada Engkau.

Wahai Allah,sungguhnya saya memohon pada Engkau keberkatan Al-Qur'an Al-`Adziim;dan dengan cahaya Wajah Engkau yang mulia yang menjadi terang-benderang langit-langit dan bumi.

Saya memohon pada Engkau dengan nama Engkau yang menurunkan hujan dan rahmat ke atas

hamba-hamba Engkau yang Engkau kehendaki.

Wahai Allah,sungguhnya Engkau ialah Tuhan kami;sedang Engkau Maha Kuasa ke atas setiap suatu.

Wahai Allah, wahai Tuhan Yang Maha Ihsan,wahai Tuhan Yang Maha Memperindahkan, wahai Tuhan Yang Maha Memberi Kelebihan,

Saya memohon pada Engkau dengan kebenaran do`a yang saya panjatkan kepada Engkau agar Engkau memperlihatkan kepada saya dalam tidur saya ini wajah Nabi Engkau Muhammad s.a.w." (Bahagian yang akhir ini diulang 3 kali).

Anda hendaklah terus tidur,insyaa' Allah anda akan bermimpi jumpa Nabi s.a.w.

[Ruju' "Mujarrabah Mujarrab Pusaka Ilmu Hikmat"(65-67)]

(2) Membaca Ayat-ayat Suci:

وبعض المشايخ قال : أن من قرأ في نصف ليلة الجمعة سورة قريش ، ألف مرة ، ثم نام بالوضوء ، رأى النبي (ص) في منامه ، وحصل له كل مقصود . قيل أنه مجرب عظيم .

(1) "Sebahagian guru berkata:Siapa membaca sesudah separuh malam Jumu`at akan *Suurah Quraisy* sebanyak 1,000 kali, kemudian dia tidur dengan wu-

dhu',maka dia akan dapat bermimpi jumpa Nabi s.a.w. dalam tidurnya;dan dia akan mencapai segala hajat. Ada pendapat mengatakan kesannya sangat besar."

[Ruju` "Mafaatiih"(92)]

قال بعض العلماء : أن من قرأ سورة القدر، ألف مرة

يوم الجمعة ، لم يمت حتى يرى النبي (ص) .

(2) "Sebahagian `ulamaa' berkata:Siapa membaca *Suurah Al-Qadr* ,1,000 kali pada hari Jumu`at;tidaklah dia akan mati sehingga (lebih dahulu) dia bermimpi jumpa Nabi s.a.w."

[Ruju` "Mafaatiih"(91),"Mujarrabaat Ilmu Ghaib"(78) dan "Khaziinah Al-Asraar";juga "Rahsia Ke`ajaipan Mu`jizat Al-Qur'an"(99)]

وقال بعضهم: من خواص سورة الكوثر أن من قرأها ليلة

الجمعة ، ألف مرة ، وصل على النبي (ص) ألف مرة ، رأى

النبي (ص) في منامه . وهذه فائدة جربها الكثيرون .

(3) "Sebahagian `ulamaa' berkata: Antara khasiyat *Suurah Al-Kauthar* ialah siapa yang membacanya pada malam Jumu`at sebanyak 1,000 kali dan dia *berselawat* (seperti dahulu) sebanyak 1,000 kali;dan dia tidur,maka dia akan bermimpi jumpa Nabi s.a.w. Cara ini telah diakui ramai."

[Ruju` "Mafaatiih"(91) dan "Rahsia Ke`ajaipan Mu`jizat Al-Qur'an"(122)]

Juga "Mujarrabat Melayu Lengkap"(39)

Di samping itu ada lagi 2 cara bagi Suurah ini,iaitu:

(a) Suurah Al-Kauthar dibaca 1,000 kali sebelum tidur. Kemudian dibaca do`a:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ أَسْأَلُكَ بِنُوْرِ الْأَنْوَارِ ، اَلَّذِيْ هُوَ عَيْنُكَ لاَ غَيْرُكَ
أَنْ تُرِيَنِيْ وَجْهَ نَبِيِّكَ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ صلى الله عليه وسلم ،
كَمَا هُوَ عِنْدَكَ

"Wahai Allah,sungguhnya saya memohon pada Engkau dengan Nur (sumber) bagi nur-nur, iaitulah dia Mata (Dzat) Engkau Sendiri, tiadalah lain selain Engkau,agar Engkau memperlihatkan kepada saya wajah Nabi Engkau,kekasih kami Muhammad s.a.w. sebagaimana beliau berada di sisi Engkau."

Dibaca 100 kali.

[Ruju` "Kuliah Ilmu Ghaib"(58); "Mafaatiih" (92) dan "Manba` As-Sa`aadaat" tanpa Suurah Al-Kauthar]

(b) Suurah Al-Kauthar dibaca pada setiap hari Jumu`at,maka seseorang tidak akan mati sehingga (lebih dahulu) dia bermimpi jumpa Nabi s.a.w.

[Ruju` "Mujarrabat Besar Dan Lengkap"(54)]

Ya, demikianlah Suurah Quraisy,Al-Qadr dan Al-Kauthar dapat menyingkapkan tabir mimpi untuk melihat wajah Nabi s.a.w. yang mulia.

*(3) **Berselawat Ke atas Nabi s.a.w.:***

(1) *Al-Imaam Asy-Sya`raani r.A.* sesudah membentang sebuah selawat berbunyi:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى رُوْحِ مُحَمَّدٍ فِيْ الْأَرْوَاحِ ،

وَعَلَى جَسَدِهِ فِيْ الْأَجْسَادِ ،

وَعَلَى قَبْرِهِ فِيْ الْقُبُوْرِ

"Wahai Allah, sanjungilah ruh Nabi Muhammad di kalangan ruh-ruh;

Sanjungilah jasad Muhammad di kalangan jasad-jasad;

Dan sanjungilah kubur beliau di kalangan kubur-kubur."

Maka dia berkata:

كَانَ النَّبِيُّ (ص) يَقُوْلُ : " مَنْ صَلَّى عَلَيَّ (بالكيفية الواردة في هذه الصلاة) رَآنِيْ فِيْ مَنَامِهِ .

"Adalah Nabi s.a.w. bersabda:"Siapa berselawat ke atasku (seperti bentuk selawat ini),dia akan bermimpi jumpaku dalam tidurnya."

[Ruju` "Mukhtashar Ma`aani Asmaa' Allah Al-Husna"(158-159)]

Selawat di atas dibaca 70 kali sebelum tidur. Dia menjadi `amalan *Al-Fakahaani.*

(2) Menurut *Ad-Dairabi r.A.* : Sebahagian `ulamaa' berkata: "Siapa selalu membaca selawat berikut dalam masa sepuluh malam (10), sebanyak 100 kali pada setiap malamnya di kala dia berada di hamparan tidurnya dan dia tidur merusuk kanan dengan menghadap kiblat dalam keadaan suci yang sempurna,maka sungguhnya dia akan bermimpi jumpa Nabi s.a.w."

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ* وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ ،

كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُوْنَ ،

وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِ الْغَافِلُوْنَ ،

عَدَدَ مَا أَحَاطَ بِهِ عِلْمُ اللهِ ،

وَجَرَى بِهِ قَلَمُ اللهِ ،

وَنَفَذَ بِهِ حُكْمُ اللهِ ،

وَوَسِعَهُ عِلْمُ اللهِ ،

وَعَدَدَ كُلِّ شَيْءٍ ، وَأَضْعَافَ كُلِّ شَيْءٍ ، وَمِلْءَ كُلِّ شَيْءٍ

وَعَدَدَ خَلْقِ اللهِ ، وَزِنَةَ عَرْشِ اللهِ ، وَرِضَا نَفْسِ اللهِ ،

وَمِدَادَ كَلِمَاتِ اللهِ ،

وَعَدَدَ مَا كَانَ ، وَمَا يَكُوْنُ ، وَمَا هُوَ كَائِنٌ فِيْ عِلْمِ اللهِ

* **Muhammadinin-Nabiyy**

صَلَاةً تَسْتَغْرِقُ الْعَدَّ وَتُحِيْطُ بِالْحَدِّ ،

صَلَاةً دَائِمَةً بِدَوَامِ مُلْكِ اللهِ ، بَاقِيَةً بِبَقَاءِ اللهِ .

(Dia bermaksud selawat yang paling banyak,meliputi dan berterusan).

[Ruju` kitab "Mujarrabaat Ad-Dairabi"]

(3) "Selawat Syams Al-Kanz Al-A`dzam" yang menjadi `amalan *Al-Qutb Al-`Idruus"* ;juga *Qutb Ar-Rabbaani Sidi `Ab.Qaadir Al-Jiilaani* yang juga menjadi `amalan *Hujjah Al-Islaam Imaam Al-Ghazaali r.A.* ,di mana siapa membacanya sesudah sembahyang `Isyaa', selepas membaca Suurah Al-Ikhlaash,Al-Falaq dan An-Naas;masing-masingnya 3 kali, maka dia akan bermimpi jumpa Nabi s.a.w.:

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ أَفْضَلَ صَلَوَاتِكَ أَبَدًا ،

وَأَنْمَى بَرَكَاتِكَ سَرْمَدًا ،

وَأَزْكَى تَحِيَّاتِكَ فَضْلاً وَعَدَدًا ،

عَلَى أَشْرَفِ الْخَلَائِقِ الْإِنْسَانِيَّةِ

وَمَجْمَعِ الْحَقَائِقِ الْإِيْمَانِيَّةِ ، وَطُوْرِ التَّجَلِّيَاتِ الْإِحْسَانِيَّةِ ،

وَمُقَدَّمِ جَيْشِ الْمُرْسَلِيْنَ ، وَقَائِدِ رَكْبِ الْأَنْبِيَاءِ الْمُكَرَّمِيْنَ ،

وَأَفْضَلَ الْخَلَائِقِ أَجْمَعِيْنَ .

حَامِلِ لِوَاءِ الْعِزِّ الْأَعْلَى ، وَمَالِكِ أَزِمَّةِ الْمَجْدِ الْأَسْنَى ،
شَاهِدِ أَسْرَارِ الْأَزَلِ ، وَمُشَاهِدِ أَنْوَارِ السَّوَابِقِ الْأَوَّلِ ،
وَتَرْجُمَانِ لِسَانِ الْقِدَمِ ، وَمَنْبَعِ الْعِلْمِ وَالْحِلْمِ وَالْحِكَمِ ،
مَظْهَرِ سِرِّ الْجُوْدِ الْجُزْئِيِّ وَالْكُلِّيْ،
وَإِنْسَانِ عَيْنِ الْوُجُوْدِ الْعُلْوِيِّ وَالسُّفْلِيِّ ،
رُوْحِ جَسَدِ الْكَوْنَيْنِ ، وَعَيْنِ حَيَاةِ الدَّارَيْنِ ،
اَلْمُتَحَقِّقِ بِأَعْلَى رُتَبِ الْعُبُوْدِيَّةِ، الْمُتَخَلِّقِ بِأَخْلَاقِ الْمُقَامَاتِ الْاِصْطِفَائِيَّةِ ،
اَلْجَلِيْلِ الْأَعْظَمِ ، وَالْحَبِيْبِ الْأَكْرَمِ ،
حَبِيْبِنَا مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ ،
وَعَلَى سَائِرِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى آلِهِمْ وَصَحْبِهِمْ أَجْمَعِيْنَ
كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُوْنَ ، وَغَفَلَ عَنْ ذِكْرِهِمُ الغَافِلُوْنَ .

(Dia bermaksud selawat yang mempunyai kedudukan yang tinggi dan terpuncak).

[Ruju` "Syarh Wird Ad-Dardiir" susunan Sayyid Ahmad Ash-Shaawi]

(4) Dalam kitab "Al-Majmuu`" susunan *As-Sayyid Ahmad Dahlaan*, beliau menulis: Antara bentuk selawat yang lebih berkesan untuk bertemu Nabi s.a.w. (dalam mimpi) ialah:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدِ* الْجَامِعِ لِأَسْرَارِكَ ، اَلدَّالِّ عَلَيْكَ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ .

"Wahai Allah, sanjungi dan salamkan ke atas kekasih kami Muhammad yang mengumpul bagi rahsia-rahsia Engkau, yang menunjukkan (keagungan) ke atas Engkau; juga rahmat dan salam ke atas keluarga beliau dan sahabat-sahabat beliau."

Dia dibaca 1,000 kali pada setiap hari.

[Ruju` "Mafaatiih"(92)]

(5) Manakala *Al-Fakahaani r.A.* pernah berkata:

أن من صلى على النبي (ص) بالصلاة الآتية ، سبعين مرة قبل نومه ، رأى النبي (ص) في منامه وهي :

"Sungguhnya siapa yang berselawat ke atas Junjungan Nabi s.a.w. dengan selawat yang berikut,sebanyak 70 kali sebelum tidurnya,dia akan bermimpi melihat Nabi s.a.w.,iaitu:

* **Muhammadinil-Jaami`**

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا أَمَرْتَنَا أَنْ نُصَلِّيَ عَلَيْهِ ،

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا هُوَ أَهْلُهُ ،

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا تُحِبُّ وَتَرْضَى ،

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى رُوْحِ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْأَرْوَاحِ ،

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى جَسَدِ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْأَجْسَادِ ،

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى قَبْرِ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْقُبُوْرِ ،

اَللّٰهُمَّ بَلِّغْ رُوْحَ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ مِنِّيْ تَحِيَّةً وَسَلَامًا .

"Wahai Allah, sanjungilah kekasih kami Muhammad, sebagaimana Engkau menyuruh kami agar kami berselawat ke atasnya;

Wahai Allah, sanjungilah kekasih kami Muhammad,sebagaimana beliau orang yang layak baginya;

Wahai Allah, sanjungilah kekasih kami Muhammad,sebagaimana yang Engkau suka dan ridhai."

(Maksud ayat keempat dan seterusnya sudah terdapat di halaman 37).

[Ruju` "Mafaatiih" (95-96)]

(6) *Asy-Syaikh Al-Hindi r.A.* mendedahkan suatu selawat yang dikatakan diterima daripada Nabi s.a.w. (menerusi mimpi?) :

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ فِيْ كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَكَ .

"Wahai Allah, sanjungi dan salamkan ke atas kekasih kami Muhammad;juga ke atas keluarga kekasih kami Muhammad, pada setiap detik dan bernafas menurut bilangan yang termaklum kepada Engkau."

Menurut beliau:

ان داومت عليها تأخذ العلوم والاسرار عن النبي (ص) .

"Seandainya anda sentiasa mengucapnya,anda akan memperoleh segala ilmu dan segala rahsia (hikmat) daripada Nabi s.a.w."

[Ruju' "Al-Mukhtashar Fi Ma'aani Asmaa' Allah Al-Husna"(166)

(7) *As-Sayyid Taqiyyuddiin Al-Hanbali r.A.* telah mengemukakan "Selawat Al-Ism Al-A'dzam",di-mana menurutnya : siapa membacanya sebelum tidur,maka sun[illegible]uhnya dia akan bermimpi jumpa Nabi s.a.w.;iaitu:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ أَسْأَلُكَ بِاسْمِكَ الْأَعْظَمِ الْمَكْتُوْبِ مِنْ نُوْرِ وَجْهِكَ الْأَعْلَى الْمُؤَيَّدُ الْبَاقِيْ الْمُخَلَّدُ ، فِيْ قَلْبِ نَبِيِّكَ وَرَسُوْلِكَ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ ،

وَأَسْأَلُكَ بِاسْمِكَ الْأَعْظَمِ الْوَاحِدِ بِوَحْدَةِ الْأَحَدِ الْمُتَعَالِيْ عَنْ وِحْدَةِ الْكَمِّ وَالْعَدَدِ ، الْمُقَدَّسِ عَنْ كُلِّ أَحَدٍ ،

وَبِحَقِّ (بسم الله الرحمن الرحيم . قل هو الله أحد . الله الصمد . لم يلد ولم يولد . ولم يكن له كفوا أحد) ،

أَنْ تُصَلِّيَ عَلَى حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ سِرِّ الْحَيَاةِ الْوُجُوْدِ ، وَالسَّبَبُ الْأَعْظَمِ لِكُلِّ مَوْجُوْدٍ ، صَلَاةً تُثَبِّتُ فِيْ قَلْبِيْ الْإِيْمَانَ ، وَتُحَفِّظَنِيْ الْقُرْآنَ ، وَتُفَهِّمُنِيْ مِنْهُ الْآيَاتَ ، وَتُفَتِّحُ لِيْ بِهَا نُوْرَ الْجَنَّاتِ ، وَنُوْرَ النَّعِيْمِ ، وَنُوْرَ النَّظَرِ اِلَى وَجْهِكَ الْكَرِيْمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمْ.

[Ruju` "Tafsiir Al-Ahlaam" (85): Ahmad Ash-Shabaahi]

(4) Membaca Qashidah Al-Burdah:

Imaam Al-Buushiiri r.A. seorang ahli Ilmu Keruhanian telah berjaya menggubah sebuah qashidah yang dikenal dengan *Al-Burdah* (Selimut Hitam) yang mempunyai ma'na yang dalam dan hikmat yang tinggi.

Qashidah beliau ditakdirkan banyak khasiyat (hikmat) dan guna;dan dia menurut bait dan niyat pengamalnya.

Sesudah beliau menggubah Burdahnya,beliau bermimpi jumpa Nabi s.a.w.,maka lalu beliau memperdengarkan Burdahnya kepada Nabi,maka (dikatakan) Nabi s.a.w. bergoyang-goyang (liuk-lintuk melambai) sebagai ranting-ranting kayu (tanda berkenan kepadanya).

(1) *Al-Gharnawi r.A.* mengatakan: Antara bait Al-Burdah itu jika dibaca berulang-ulang dalam keadaan suci dan menghadap kiblat;kemudian tidur,maka dia memperoleh mimpi jumpa Nabi s.a.w.;iaitu:

مَوْلَايَ صَلِّ وَسَلِّمْ دَائِمًا أَبَدًا ،

عَلَى حَبِيْبِكَ خَيْرِ الْخَلْقِ كُلِّهِمْ

"Wahai Tuhanku, sanjungi dan salamkan sentiasa berterusan;
Ke atas Kekasih Engkau,sebaik-baik makhluk (antara) semua mereka."

[Ruju' "Mafaatiih"(95) dan "Majma' Al-Qashaa'id Wa Al-'Awaa'id"(4,6)]

(2) Juga hendaklah dibaca berulang-ulang qashidah berikut sebelum tidur sehingga tertidur,iaitu:

نَعَمْ سَرَى طَيْفُ مَنْ أهْوَى فأرَّقَنِي ،

وَالْحُبُّ يَعْتَرِضُ اللَّذَّاتِ بِالْأَلَمِ

"Ya, terbayang-bayang lalu bayangan orang yang kucinta,lantas menyintakkan aku bangun;
Sedang cinta itu memang mempergelutkan antara keladzatan dengan kesakitan."

[Ruju' "Mafaatiih"(94) , "Majma' Al-Qashaa'id"(4,6) ,"Syams Al-Ma'aarif Al-Kubra"(Perisai Mu'min Dalam Kehidupan"(65-66) dan "Mujarrabat Besar Dan Lengkap"(19)]

(3) Terdapat lagi suatu bait berkat berbunyi:

يَا لَائِمِي فِي الْهَوَى الْعُذْرِيِّ مَعْذِرَةً ،

مِنِّي إِلَيْكَ وَلَوْ أنْصَفْتَ لَمْ تَلُمِ

"Wahai orang-orang yang mencaciku lantaran cintaku sebagai cinta orang Al-'Udzri, aku maafkanmu;
Ah, sekiranya anda tahu erti cinta,pastilah anda tidak akan mencerca aku."

Bait ini juga dibacakan selepas 'Isyaa' sebelum tidur sehingga tertidur.

[Ruju' "Mafaatiih"(95) dan "Majma' Al-Qashaa'id"(4,6)]

(5) Membaca Do`a Tertentu:

(1) Bagi bermimpi jumpa Nabi s.a.w.,pengarang kitab "Manba` As-Sa`aadah"(181) menganjurkan agar membaca do`a berikut sebanyak 100 kali (sebelum tidur,secara besendiri atau sesudah sembahyang dan berselawat ke atas Junjungan Nabi s.a.w. -P):

اَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ بِنُوْرِ الْأَنْوَارِ ، الَّذِيْ هُوَ عَيْنُكَ لاَ غَيْرُكَ

أَنْ تُرِيَنِيْ وَجْهَ نَبِيِّكَ حَبِيْبِنَا مُحَمَّدٍ صلى الله عليه وسلمَ

كَمَا هُوَ عِنْدَكَ .

(Ruju` halaman 36 serta erti).

(2) Do`a bersendiri atau dibacakan sesudah Suurah Al-Kauthar (1,000 kali),iaitu:

اَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ بِجَلاَلِ وَجْهِكَ الْكَرِيْمِ أَنْ تُرِيَنِيْ وَجْهَ

نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيْ مَنَامِيْ هٰذَا رُؤْيَةً

تُقِرُّبِهَا عَيْنِيْ ، وَتُفَرِّجُ بِهَا كُرْبَتِيْ وَتَشْرَحُ بِهَا صَدْرِيْ وَتُؤَلِّفُ

بِهَا شَمْلِيْ ، وَتَجْمَعُ بِهَا بَيْنِيْ وَبَيْنَ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيْ الدَّرَجَاتِ الْعُلَى ، وَلاَ تُفَرِّقْ بَيْنِيْ

وَبَيْنَهُ ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

"Wahai Allah,sungguhnya aku memohon pada Engkau dengan kelulusan Wajah (Diri) Engkau yang mulia,agar Engkau memperlihatkan wajah Nabi Engkau Muhammad s.a.w. dalam tidurku ini, sebagai

penglihatan yang dapat menenangkan kedua mataku,dapat melepaskan dari bala yang mengenaiku,melapangkan dadaku,memperjinakkan tabi`atku (yang liar) dan dapat mempertemukan antaraku dengan Nabi Engkau Muhammad s.a.w. di-Hari Kiamat dalam derjat-derjat kedudukan yang tinggi (di Syurga);dan janganlah Engkau memisahkan antaraku dengan beliau s.a.w.;dengan rahmat Engkau,wahai Tuhan Yang Maha Pengasih antara yang pengasih."

[Ruju` "Kuliah Ilmu `Ajaib"(59) dan "Mujarrabat Melayu Lengkap"(78)]

(3) *Jamaaluddiin Muhammad Abu Al-Mawaahib Asy-Syaadzili r.A.* di kalangan orang-orang pilihan pernah berkata:

رأيت رسول الله (ص) في المنام ، فقال لي :قل عند النوم :
بسم الله الرحمن الرحيم ،خمسا ، وأعوذ بالله من الشيطان،خمسا ، ثم قل : اَللّٰهُمَّ بِحَقِّ مُحَمَّدٍ ، أَرِنِيْ وَجْهَ مُحَمَّدٍ حَالاً وَمَالاً . فإذا قلتَها عند النوم ، فإني اتى اليك ، ولا أتخلف عنك أصلا .

"Aku telah bermimpi jumpa Nabi s.a.w.,maka beliau bersabda kepadaku:"Ucapkanlah di kala engkau

menghadapi tidur,akan:
Bismillaah , 5 kali;
A`uudzubillaah , 5 kali.

Kemudian engkau mengucapkan:
Allaahumma bihaqqi ....maala.

Maka apabila engkau mengucapkannya di kala hendak tidur,maka sungguhnya saya akan datang kepada engkau (dalam mimpi) dan saya tidaklah meninggalkan engkau sekali-kali."

[Ruju` "Tafsiir Al-Ahlaam"(94): Ahmad Shabaahi]

(4) Bagi tujuan bermimpi jumpa para Nabi `alaihimushshalaatu wassalaam, tersebut sebuah do`a dalam kitab "Perguruan Agung Hikmat"(139-141) bagaimana yang akan dipaparkan.

Menurut penulis, sebelum seseorang ingin bermimpi jumpa dan berkenalan dengan para Nabi itu,sayugianya dia lebih dahulu dapat bertemu Junjungan s.a.w. dalam mimpi,dua atau tiga kali;dan telah dapat bercakap-cakap dan bermesera dengan beliau s.a.w.

Alangkah seronoknya jika seseorang hamba Allah dapat bermimpi bertemu dan berdialog dengan manusia-manusia pilihan seperti para Nabi dan Rasul;sebagai tanda yang paling senang untuk memasuki Syurga!!

اَللّٰهُمَّ ذِى السُّلْطَانِ الْعَظِيْمِ . وَذِى الْمَنِّ الْقَدِيْمِ . وَذِى الْوَجْهِ الْكَرِيْمِ . وَوَلِيِّ الْكَلِمَاتِ التَّامَّاتِ وَالدَّعَوَاتِ الْمُسْتَجَابَةِ .... مِنْ اَنْفُسِ الْحَقِّ

عَيْنِ الْقُدْرَةِ وَالنَّاظِرِيْنَ وَعَيْنِ الْاِنْسِ وَالْجِنِّ وَاِنْ يَكَادُ الَّذِيْنَ كَفَرُوْا لَيُزْلِقُوْنَكَ بِاَبْصَارِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا الذِّكْرَ وَيَقُوْلُوْنَ اِنَّهُ لَمَجْنُوْنٌ . وَمَا هُوَ اِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِيْنَ وَمُسْتَجَابُ لُقْمَانِ الْحَكِيْمِ وَوَرِثَ سُلَيْمَانُ دَاوُدَ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ . اَلْوَدُوْدُ ذُو الْعَرْشِ الْمَجِيْدِ . طَوِّلْ عُمْرِيْ وَصَحِّحْ اَجْسَادِيْ وَاقْضِ حَاجَتِيْ وَاَكْثِرْ اَمْوَالِيْ وَاَوْلَادِيْ وَحَبِّبْ لِلنَّاسِ اَجْمَعِيْنَ . وَتَبَاعَدِ الْعَدَاوَةَ كُلَّهَا مِنْ بَنِيْ اٰدَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ مَنْ كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ الْقَوْلُ عَلَى الْكَافِرِيْنَ . وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ اِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوْقًا . وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْاٰنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِيْنَ . وَلَا يَزِيْدُ الظَّالِمِيْنَ اِلَّا خَسَارًا . سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ .

6. MENGHIDUP DAN MELAKSANA *SUNNAH NABI S.A.W.*

Dalam kehidupan sehari-hari ini,bila didapati seseorang rindu berjumpa dengan seorang yang lain,sehingga dalam mimpi pun,sudah tentu dia mempunyai sesuatu tarikan yang menyebabkan dia rindu menemuinya.

Tidaklah menasabah dengan mendadak seseoarang rindu untuk melihat seorang tokoh,apalagi seorang yang mempunyai kedudukan yang paling tinggi dan mulia antara semua makhluk Allah di alam ini - tiba-tiba orang itu sendiri tidak ingin mengenal dan mengikuti arahannya dan meniru jejak-langkahnya yang menjamin kebahagiaan hidup dari dunia sampai ke Akhirat.

Sebenarnya bagi siapa yang ingin berjumpa atau bermimpi berhadapan dengan Nabi s.a.w.,dia sendiri perlu meningkatkan keimanan terhadapnya;dan sesudah itu hendaklah diikuti dengan mengamalkan arahan dan pesanannya;juga meninggalkan segala larangannya dan tegahannya.

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ

"Katakanlah (wahai Nabi):"Seandainya kamu mengasihi Allah,maka ikutlah aku,nanti kamu dikasihi Allah dan diampuniNya dosa-dosa kamu."

[Aal-'Imraan:31]

Sebagai seorang yang cintakan kepada seorang kekasih sejati,dia perlulah selalu menyebutnya dengan banyak *berselawat kepadanya* dengan lafadz-lafadz selawat yang pernah diajar beliau sendiri,terutama *Selawat Ibraahimiyyah* (yang menyebut "kamaa shallaita `ala Ibraahiim.....") seperti yang dibaca dalam Tasyahhud Akhir di penghujung setiap sembahyang.

Pengarang kitab "Mafaatiih" (93-94) pernah menulis:

ونرى أنه للوصول الى رؤية حضرة الرسول (ص) ، عليك باتباع الفرائض والأخذ بسننه (ص) والاقتداء به .

والاقبال على كل ما يحب من قول وعمل . والأكثار من القرآن ومن الصلاة والسلام على رسول الله (ص) ، وخاصة الصيغ المأثورة والمباركة . ولكن عليك بالصبر الجميل .

"Kami nampak untuk dapat bermimpi jumpa Nabi s.a.w., anda hendaklah selalu melaksanakan kefardhuan-kefardhuan (dalam Agama) dan memegangi Sunnah Nabi s.a.w. dan mengikutnya.

Seterusnya melaksanakan setiap perkara yang disukai (Agama) dalam bentuk perkataan dan perbuatan.

Selain itu hendaklah anda memperbanyakkan membaca Kitab Suci *Al-Qur'an*;juga berselawat dan *bersalam* ke atas Rasulullah s.a.w. dalam bentuk (lafadz) yang diterima daripada Nabi s.a.w. dan yang diberkati. Dalam perkara (dapat bermimpi) ini,anda hendaklah *bersabar* yang indah (jika belum memperoleh mimpi ,sehinggalah bermimpi)."

Untuk menghidupkan *Sunnah,* seseorang perlu mengenalnya dengan mempelajari dan mengkajinya dengan mendalam;tidaklah cukup dengan mempelajari hukum-hukum Islam (Fiqh) sahaja.

Antara buku-buku Sunnah dalam bahasa ibunda,susunan dan terjemahan kami yang boleh dipelajari,antara lain:

1. Contoh Wudhu' Nabi s.a.w.
2. Contoh Sembahyang Nabi s.a.w.
3. Contoh Puasa Nabi s.a.w.
4. Bagaimana Nabi Berhaji Dan Ber`umrah?
5. Wirid Sembahyang Nabi s.a.w.
6. Do`a Nabi Selepas Sembahyang
7. Cara Makan-Minum Nabi s.a.w.
8. Petunjuk Nabi Dalam Berhariraya
9. Tilaawah Nabi Di Kala Malam
10. 40 Hadith Sekitar Selawat Ke Atas Junjungan
11. Garis Rahsia Perbincangan Qadar Mengikut Sunnah Nabi s.a.w.

12. Sembahyang Terawih Di Zaman Nabi
13. Revolusi Menjaga Masa Menurut Nabi
14. Himpunan Jampi Perubatan Nabi s.a.w.
15. Ubat Dan Perubatan Cara Nabi
16. Politik Pentadbiran Negara Islam Zaman Nabi s.a.w.
17. Intisari Petunjuk Nabi s.a.w.
18. 313 Sabda Hikmat Warisan Nabi Muhammad
19. Muhammad Rasulullah Makhluk Pilihan Dan Rasul Contoh
20. 40 Hadith Motivasi Ilmu Dan Peminatnya

Di samping itu setiap orang Islam perlu pula mengenal *Bid`ah* agar dapat dijauhkan daripadanya. "Bid`ah" ialah sesuatu yang bertentangan dengan Sunnah;iaitu segala rekaan dalam Agama yang dilakukan sesudah kewafatan Rasulullah s.a.w. Untuk tujuan mengenal bid`ah ini,dalam bahasa ibunda telah ada beberapa buah buku terjemahan kami,antaranya:

1. Kesesatan Bid`ah Dan Keharaman Mereka-rekakan `Ibadah
2. Revolusi Mental Ahli `Ibadah
3. 200 Bid`ah Hari Jumu`at Di Dunia Islam
4. 72 Sunnah Dan Bid`ah Pengurusan Mayat
5. 77 Bid`ah Pembaca Al-Qur'an
6. Hakikat Sufi Dan Tariqat
7. Mengembalikan Tasawwuf Dan Tariqat Kepangkalnya

7. PERSIAPAN UNTUK MIMPI

Di samping seseorang mengikut Sunnah Nabi s.a.w.;dia hendaklah tetap *bertaqwa* sepanjang masa serta *wara`* (tegas dalam bertaqwa) dan hatinya mencintai Allah dan *RasulNya* melebihi cintanya terhadap yang lain.

Bagi seseorang yang mempunyai rumah atau tempat tinggal,dia lebih dahulu hendaklah berusaha menghadhirkan para *Mala'ikat* ke dalam rumahnya;dan sebaliknya menjauhkan *Iblis dan syaitan serta koncu-koncunya* .

Abu Hurairah r.`a. pernah memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

لاَ تَدْخُلُ الْمَلآئِكَةُ فِيْهِ تَمَاثِيْلُ أَوْ تَصَاوِيْرُ

"Para Mala'ikat tidaklah akan masuk ke-sesebuah rumah yang ada padanya patung-patung dan gambar-gambar (makhluk hidup)."

[H.R.Muslim]

Manakala *Abu Talhah r.`a.* pula memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

لاَ تَدْخُلُ الْمَلآئِكَةُ بَيْتًا فِيْهِ كَلْبٌ وَلاَ صُوْرَةٌ

"Para Mala'ikat tidaklah akan memasuki sesebuah rumah yang ada padanya anjing (peliharaan) dan gambar."

[H.R.Al-Bukhaari dan Muslim]

Juga *Abu Hurairah r.`a.* memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

لاَ تَصْحَبِ الْمَلاَئِكَةُ رِفْقَةً فِيْهَا كَلْبٌ أَوْ جَرَسٌ

"Para Mala'ikat tidaklah akan menyertai teman-teman yang ada pada (rumah)nya anjing atau locing(yang menyerupai locong gereja)."

[H.R.Muslim,Abu Daawuud dan At-Turmudzi:*Hasan Shahih*]

Seterusnya Ummu Al-Mu'miniin `Aa'isyah r.`anha pernah memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

لَمْ يَكُنِ النَّبِيُّ (ص) يَتْرُكُ فِيْ بَيْتِهِ. شَيْئًا فِيْهِ تَصَالِيْبُ

اِلاَّ نَقَضَهُ

"Tiadalah Nabi s.a.w. meninggalkan sesuatu yang ada padanya palang Salib melainkan beliau menghapuskan (semua)nya."

[H.R.Al-Bukhaari dan Abu Daawwud]

Jadi, untuk menghadhirkan para Mala'ikat,terma suk *Mala'ikat Mimpi;* seseorang perlu membersihkan rumahnya daripada patung-patung (kecuali anak-anak patung permainan anak-anak),gambar-gambar (makluk hidup) sama ada separuh bertongkol atau nipis; anjing peliharaan,locing dan tanda-tanda palang Salib.

Selain mengusahakan kehadhiran Mala'ikat dalam rumah,seseorang yang ingin bermimpi itu hendaklah selalu *bercakap benar* bagi melahirkan perkataan atau mimpi yang benar,selari dengan m'aksud persabdaan Nabi s.a.w.:

إِنَّ أَصْدَقَكُمْ رُؤْيَا أَصْدَقُكُمْ حَدِيثًا

"Sungguhnya kalangan kamu yang paling benar mimpi itu ialah (daripada) orang yang paling benar percakapan(nya)."

[H.R.Al-Bukhaari,Muslim,At-Turmudzi dan Al-Baghawi]

Peminat juga hendaklah membersihkan hati-nurani daripada sebarang penyakit jiwa yang merusakkan seperti riyaa' (suka menunjuk-nunjukkan kebaikan),sum`ah (suka memperdengar-dengarkan kebaikan),hasad-dengki dan irihati terhadap ni`mat kurniaan Allah kepada orang lain.

Suasana hidup peminat hendaklah selalu *ikhlash* dalam semua tindak-tanduk kehidupan sehari-hari dan berkala. Biasanya seseorang yang telah bermimpi jumpa Nabi s.a.w.,suasana hidupnya penuh dengan ikhlash: ikhlash menuntut ilmu kerana Allah;ikhlash berda`wah kerana Allah, ikhlash menulis buku-buku (mengarang) kerana Allah,ikhlash berjihad kerana Allah dan sebagainya;maka di penghujung urusannya inilah dia memperoleh mimpi.

Mimpi ini berlaku di kala seseorang berkeadaan *bersih diri* ,terlepas dirinya dan fikirannya dari memikiri perkara-perkara buruk;hatinya bergantung dengan *mendzikiri Allah.* Maka tiadalah dia bermimpi melainkan mimpi itu bersifat sebenar (haq) dan betul (sidq);dan itulah mimpi yang benar yang disifatkan sebagai satu unit daripada 46 unit Kenabian.

ولا يرى رسول الله (ص) في المنام الا من كان في قلبه حب له والتزام هداه.

"Dan tiadalah seseorang layak bermimpi jumpa Nabi s.a.w. melainkan apabila seseorang itu hatinya kasih dan selalu mengikut petunjuk beliau."

[Ruju` kitab "Ar-Ru'ya Wama Yata`allaqu Biha"(9)]

Sebagaimana telah disebutkan *ikhlash* ,maka sebegitulah sebelum tidur, peminat hendaklah berniyat yang baik, selari dengan kata-kata *Mu`aadz B.Jabal :*

اني لأحتسب نومتي كما أحتسب قومتي

"Sungguhnya saya bersiap- sedia (dengan niyat yang ikhlash) terhadap tidur saya,sebagaimana saya bersiap - sedia untuk saya bangkit (dari tidur)."

Jadi,seseorang hendaklah mempunyai *minat* yang kuat dan selalu bersiap-sedia dengan ikhlash sebelum tidur bagi memperoleh ni`mat mimpi jumpa Nabi s.a.w. serta dapat berdialog dengan beliau.

Manakala dari segi fizikal pula,sebelum tidur,peminat hendaklah berada dalam keadaan *bersih dan suci:* bersih tubuh-badan daripada kekotoran biasa;dan bersih badan daripada hadath dan najis. Demikian juga pakaian dan hamparan tidur. Ada kalangan yang menyebutkan lebih baik mandi lebih dahulu;kemudian ber*wudhu'* dan *berwangi-wangian;* sebab para Mala'ikat sukakan wangian atau haruman;walaupun pada peringkat awal agak sukar tidur pada awal malam.

Al-Barraa' B.`Aadzib r.`a. memberitakan Nabi s.a.w. pernah bersabda:

إِذَا أَتَيْتَ مَضْجَعَكَ فَتَوَضَّأْ وُضُوْءَكَ لِلصَّلاَةِ ، ثُمَّ اضْطَجِعْ عَلَى شَقِّكَ الْـأَيْمَنِ .

"Bila engkau hendak tidur di tempat tidur engkau,maka hendaklah engkau *berwudhu'* seperti wudhu' engkau untuk sembahyang;kemudian hendaklah engkau tidur di atas lambung engkau yang sebelah kanan."

[H.R.Semua para Imaam Hadith yang enam dan Ahmad B.Hanbal]

Jadi, semasa hendak tidur ini,peminat perlulah mengikut cara Nabi s.a.w. tidur,iaitu dengan suci daripada hadath Besar dan Kecil;serta merebahkan di-

ri di lambung kanan dengan cara meletakkan pipi kanan di atas telapak tangan kanan - sebagai mencontohi cara tidur Nabi s.a.w. serta menghadap ke - arah *kiblat.*

Sesudah seseorang peminat bersembahyang Sunat untuk tujuan ini,atau membaca Ayat-ayat Suci,berselawat atau sebagainya; apabila mula merebahkan badan ke hamparan tidur,hendaklah antara lain membaca bacaan-bacaan berikut:

Astaghfirullaah Al-Adziim .... 3 kali.

Ayat Al-Kursiy.

Menurut *Sayyidatina `Aa'isyah r.`anha:*

كان رسول الله (ص) اذا أوى الى فراشه كل ليلة ، جمع كفيه، فنفث فيهما ، وقرأ قل هو الله أحد ، وقل أعوذ برب الفلق وقل أعوذ برب الناس . ثم مسح بهما ما استطاع من جسده الشريف ، يبدأ بهما رأسه ووجهه وما أقبل من جسده . يصنع ذلك ثلاث مرات .

"Adalah Rasulullah s.a.w. apabila berbaring untuk tidur pada setiap malam ,maka beliau menadahkan kedua tapak tangan beliau,kemudian beliau menghembuskan padanya bacaan :

Suurah Al-Ikhlaash

Suurah Al-Falaq

Suurah An-Naas

Kemudian beliau menyapukan keseluruh tubuh beliau yang mulia mana-mana bahagian yang sampai oleh kedua tangan beliau,dimulainya dari atas kepalanya,mukanya dan bahagian-bahagian tubuhnya yang di hadapan;diperbuatkan demikian sebanyak 3 kali."

[Al-Hadith]

Bacaan di atas adalah sebagai mengawal diri daripada diganggu oleh syaitan;termasuk dari *mimpi yang buruk.*

Untuk maksud yang sama,Rasulullah s.a.w. mengajarkan agar seseorang membaca Ayat 1-3 Al-An`aam

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَجَعَلَ ٱلظُّلُمَٰتِ وَٱلنُّورَ ثُمَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ ﴿١﴾ هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن طِينٍ ثُمَّ قَضَىٰٓ أَجَلًا وَأَجَلٌ مُّسَمًّى عِندَهُۥ ثُمَّ أَنتُمْ تَمْتَرُونَ ﴿٢﴾ وَهُوَ ٱللَّهُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَفِى ٱلْأَرْضِ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَجَهْرَكُمْ وَيَعْلَمُ مَا تَكْسِبُونَ ﴿٣﴾

Juga Rasulullah s.a.w. pernah mengajarkan bacaan ini sebelum tidur:

اَللّٰهُمَّ اِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ وَسَيِّئَاتِ الْأَحْلَامِ

"Wahai Allah,sungguhnya saya berlindung pada Engkau dari perlakuan syaitan dan daripada keburukan-keburukan mimpi (yang buruk)."

[H.R.Ibnu As-Sunni dan At-Turmudzi]

Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri di kala beliau berada di hamparan tidur,beliau mengucapkan:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ أَسْأَلُكَ رُؤْيَا صَالِحَةً صَادِقَةً غَيْرَ كَاذِبَةٍ نَافِعَةً غَيْرَ ضَارَّةٍ حَافِظَةً غَيْرَ نَاسِيَةٍ .

"Wahai Allah,sungguhnya saya memohon pada Engkau akan mimpi yang baik lagi benar;tidak dusta; lagi bermanfaat, tidak mudharat,dalam keadaan ingat,tidak lupa."

[Ruju' kitab "Tafsiir Al-Ahlaam Min Wahy Ad-Diin Wa Al-'Ilm" (27)]

Ya,begitulah persiapan yang begitu rapi perlu diwujudkan dari berbagai aspek;dan di sinilah ternampaknya betapa besar kepentingan kiranya dapat bermimpi jumpa Nabi s.a.w., sekalipun hanya satu kali.

جَمَعَنَا اللهُ وَإِيَّاكُمْ فِيْ حَضْرَةِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيْ الدُّنْيَا قَبْلَ الْآخِرَةِ ، مَعَ الثَّبَاتِ فِيْ الْجَوَارِحِ وَالْجَذْبِ فِيْ الْقُلُوْبِ .

"Semoga Allah mempertemukan kami dan kamu (pembaca) dengan Rasulullah s.a.w. di dunia (dalam mimpi) sebelum lagi di Akhirat,serta memperoleh keteguhan pada segala anggota dan terpikat dalam segala hati."

8. MIMPI PERTAMA JUMPA NABI *DAN BAGAIMANA MENGENALNYA?*

Pada biasanya *pengalaman* merupakan peristewa yang berulang kali berlaku kepada seseorang yang membolehkan dia mengenali sesuatu perkara sebagai suatu pegangan.

Penulis tidaklah dapat mengupaskan tajuk ini seandainya penulis belum mengalami peristewa ini. Akan tetapi ....,alhamdulillaah,dia telah menjadi suatu sejarah dan pengalaman bagi penulis.

Sewaktu penulis telah memasuki usia 15 tahun,sesudah sepenggal tahun 1953,di kala itu penulis telah dilantik menjadi *guru*,mula menulis karya pertama (menjadi *pengarang*) dan menerbitkannya (menjadi *penerbit*);di mana sebelum ini penulis telah lama *merindui Rasulullah s.a.w.* dan berminat menyaksikan wajah beliau dalam mimpi; tiba-tiba pada suatu malam berlakulah peristewa bersejarah ini.

Sedang penulis dalam keadaan tidur yang agak nyenyak,tiba-tiba muncul wajah Nabi Muhammad s.a.w. terpampang manis di hadapan penulis di mana beliau sedang berdiri tegak dan kelihatan dengan jelas bahagian pinggang membawa ke kepala di mana keadaannya jelas dan terang sekali untuk diperhatikan.

Dalam keadaan wajah beliau yang manis,tenang berseri-seri, beliau merenungkan kepada penulis dengan mata beliau yang lemah-lembut,seraya beliau bersabda dalam bahasa ibunda penulis sendiri,kira-kira begini:

"Anta belajarlah Agama anta,Islam!"

Beliau menyebutnya dalam suara yang sederhana dan dalam tempoh perlahan-lahan;tetapi tegas dan serius.

Beliau tidaklah menyebut nama penulis;cukup dengan kata-kata seperti itu;tetapi ertinya sangat mendalam. Penulis segera membuat tanggapan bahawa Rasul Penutup,Junjungan Rasulullah s.a.w. mahukan penulis menggiatkan diri dengan mempelajari Islam secara mendalam dalam jangka pendek (intensib) dan panjang.

Agak lama bayangan ruh beliau berada di-hadapan penulis;dan penulis juga terus merenung wajah beliau,seakan-akan seorang membaca kitab;di-mana sesudah dibaca,ditutupnya,lantas dibayangkan semula kandungan kitab itu.

Sesudah hampir puas merenung dan telah diketahui dengan jelas perutusan (message)nya, maka beliau pun menghilangkan diri. Penulis tertinggal sendirian dengan penuh kecintaan.

Dalam penelitian penulis merenung sebagai membaca kitab tadi,sesudah mimpi berakhir,penulis dapat membayangkan kembali beberapa sifat beliau sebagai berikut:

1. Keadaan tubuh yang mulia adalah pertengahan: tidak terlalu gemuk dan dan tidak pula terlalu kurus;tidak terlalu tinggi dan tidak pula terlalu rendah.
2. Kulit tubuh beliau s.a.w. adalah putih kemerahan,semacam merah (menarik).
3. Kepala yang mulia adalah agak besar,seimbang dengan saiz tubuh beliau.
4. Rambut beliau agak krinting dan di kala itu saiz rambut beliau panjang sederhana mencecah kedua belah bahu yang mulia.
5. Dahi beliau luas serta berseri.
6. Mata beliau adalah besar,agak luas.
7. Kening beliau pula sangat lebat berwarna hitam.
8. Pipi beliau gembur mengembang serta kulitnya halus lagi lembut.
9. Hidung yang mulia adalah mancung;manakala bahagian hujungnya agak membongkok.
10. Janggut yang mulia adalah tebal serta hitam.
11. Dada yang mulia adalah bidang membuka.

Inilah sebelas sifat yang terjelas kepada penulis,di mana masing-masing sifat ini mempunyai tafsiran yang tinggi dan mendalam dalam Ilmu *Firasat.*

Berdasarkan penglihatan penulis tadi,ternyata penulis telah bermimpi melihat Rasulullah s.a.w. dalam keadaan berusia muda.

Semasa penulis berhadapan dengan wajah beliau itu tiadalah suatu suara ghaib yang memperkenalkan bahawa itulah wajah Rasulullah s.a.w.;akan tetapi ruh penulis segera mengenali beliau dengan pertulungan Allah S.W.T.

Ya, di Alam Ruh ini, sesuatu ruh, dengan sifatnya dia boleh mengetahui sesuatu dengan dirinya sendiri seidzin Allah tanpa sesuatu alat perantaraan atau pertulungan yang lain. Dan beginilah juga hakikatnya peristewa orang Yahudi yang nampak *Bintang Ahmad* terbit sewaktu Nabi s.a.w. dilahirkan dahulu.

Dengan peristewa mimpi ini,maka penulis berani membuat pengakuan bahawa penulis telah bermimpi melihat Nabi s.a.w. dalam tidur. Berat agakan penulis bahawa peristewa ini berlaku dalam bulan Ramadhaan Al-Mubaarak. Sayang,tangan tidak tergerak untuk segera mencatat tarikhnya sehingga dia terabai.

Beliau s.a.w. ditakdirkan Allah datang untuk menjadi Guru kepada penulis, *guru dalam mimpi.*

Penulis ditakdirkan hanya mendengar dan memahami sabda beliau tanpa berdialog dan tanpa berjabat salam; tetapi telah mencukupi..

Sejak itu penulis benar-benar merasakan arahan Nabi s.a.w. itu sebagai suatu amanah yang diserahkan kepada penulis selaku suatu kewajipan yang wajib dipikul untuk mengenal Islam serta tanggungjawab individu yang perlu disegerakan.

Di kala itu penulis belum lagi dapat membaca sendiri buku-buku `Arab;sebab masih dalam peringkat awalan,tiada sekolah `Arab yang penulis ikuti selain hanya belajar sambilan di pinggir Pondok Kubur Tuk Kenali,Pondok Kenali dan juga Pondok Al-Ahmadiyyah,Bunut Payung semasa Tuan Guru Hj.`Abdullah Taahir,seorang murid Tuk Kenali yang terkenal. Pendidikan awal penulis ialah di Sekolah Aliran Melayu: Sek.Melayu Kubang Kerian dan Sek.Melayu Kota (Jelasin),K.Bharu. Di kala itu di Sekolah Melayu belum ada Mata Pelajaran Islam;apalagi Bahasa `Arab dan Bahasa Inggeris.

Sejak peristewa mimpi ini penulis mula membeli kitab-kitab dalam bahasa `Arab yang difahami tajuknya;tetapi belum difahami seluruh isinya sebagai persiapan awal memahami Islam. Antara kitab-kitab itu ialah:

رياض الصالحين : امام النووي

الاذكار : امام النووي

الزواجر : ابن حجر الهيتمي

فتح الرحمن لطالب آيات القرآن

Jadi,sejak mimpi ini penulis tidaklah pernah berhenti dari belajar Agama sehingga kemudiannya dapat menyambung Pengajian Islam di Universiti Malaya (1974) dalam usia 40 tahun;dan sesudah itu terus mengarang dan menterjemah buku-buku `Arab sebagai suatu proses pembelajaran sendiri dan da`wah (menerusi penerbitan);dan penulis belumlah menghentikan kegiatan suci ini sehingga kini.

Ibnu Siiriin r.A. adalah seorang pakar Islam dalam Alam Mimpi. Sewaktu seorang lelaki menceritakan kepada beliau. bahawa dia pernah bermimpi melihat Junjungan s.a.w. ,maka beliau pun lalu berkata:

صف لي الذي رأيته ؟

"Rupakan bagiku orang yang engkau lihat dalam mimpi itu,bagaimana sifatnya?"

فإن وصف له صفة لا يعرفها ، قال: لم تره .

Jika orang itu menyifatkan dengan sifat yang tidak dikenalinya,maka beliau lalu berkata:"Engkau tidaklah bermimpi jumpa Nabi Muhammad s.a.w."

[Ruju` kitab "Ar-Ru'a Wa Al-Ahlaam"(64) :Ibnu Hajar Al-`Asqalaani: *Shahih*]

9. MIMPI BERJIHAD SAMA NABI

Sesudah kira-kira 26 tahun kemudian,pada malam Selasa, 13 Ramadhaan,1399 H.;sedang penulis nyenyak tidur,tiba-tiba penulis agak terkejut kerana berhadapan dengan suatu angkatan perang bersenjata yang dipimpin Nabi s.a.w. yang lalu dekat atau bergerak dengan rancaknya di hadapan penulis.

"Ah, Rasulullah s.a.w. memimpin pasukan jihad ...." Demikian cetusan hati penulis.

Hati penulis menjadi girang dan bersemangat sekali,lalu penulis bertindak menyertai angkatan perang itu dengan cara melompat masuk mencelahi pasukan tentera lalu mara mengikut arah pimpinan Rasulullah s.a.w.

Angkatan bergerak begitu rancak sekali ....

Seketika, mimpi pun berakhir.

Ya,peristewa ini berlaku sesudah buku karya penulis bertajuk "Jawapan STP Zaman Rasulullah s.a.w. Dalam Esei" tersibar,di mana di dalamnya terdapat perbincangan peperangan di Zaman Nabi.

Menurut sejarah, setiap kali peperangan Di-Zaman Nabi,hampir semua para Sahabat ikut serta: ada yang syahid dan ada yang tercedera. Semangat jihad mereka adalah tinggi.

Berjihad bersama Nabi dalam mimpi juga dirasakan suatu ni`mat pengorbanan bagi penulis.

10. MIMPI SAMA BERKAYUH DENGAN NABI S.A.W.

Sesudah 7 tahun berselang,pada malam Sabtu,22 Ramadhaan, 1406 H. (31.05.1986),sedang penulis tengah tidur di bulan yang berkat ini,tiba-tiba penulis agak terkejut berhadapan terus dengan wajah Rasulullah s.a.w. dalam suasa yang amat pantas.

"Ah,Rasulullah,s.a.w. !!" Demikian suatu kejutan dalam hati sesudah ternampak diri peribadi Rasulullah s.a.w. yang bergerak pantas di mana beliau bersabda kepada penulis dengan kata-kata:

"Wahai `Abdullah, mari kayuh!!"

Penulis dengan pantas menjawab:"Wahai Rasulullah, saya tiada pengayuh (untuk berkayuh)."

" Carilah !!" Sambung beliau.

Penulis cuba mencarinya dalam dua tiga langkah;tetapi tidak berjaya.

" Ambil yang ini! " Beliau menyambung sabda sambil menghulurkan sebatang pengayuh.

Lantas penulis pun mengambilnya daripada tangan Nabi s.a.w. yang mulia.

Di kala itu Rasulullah s.a.w. telah pun memegang sebatang pengayuh yang agak panjang.

Pengayuh yang Rasulullah berikan kepada penulis itu adalah pendek,kira-kira sepanjang 3 hasta, hampir separuh pengayuh Nabi s.a.w.

Bila penulis mengambil pengayuh tadi,maka Rasulullah s.a.w. berkisar ke sebelah kiri penulis;dan di kala itu penulis bersama Rasulullah s.a.w. telah berada dalam sebuah perahu (sehaluan).

Penulis dan beliau pun lalu mengayuh perahu itu, pada mulanya perlahan, kemudian makin laju dan laju sekali sehingga dia melintasi semua perahu yang ada di hadapan.

Alur air nampak jelas dan perahu bergerak pantas dengan alunnya.

Kemudian .... kayuhan penulis dan Rasulullah s.a.w. pun berakhir,dan mimpi pun terputus.

Peristewa mimpi ini berlaku sesudah buku penulis bertajuk " Memahami Nilai Hadith Dan Sunnah Nabi s.a.w." tersibar dalam edisi Rumi dan Jawi (PAP) bagi mengajak umat Islam menghidupkan Sunnah Nabi s.a.w. dan menentang Golongan Anti Hadith.

Antara ta`bir bagi mimpi ini ialah menunjukkan penulisan buku-buku Sunnah yang telah tersibar seperti "Contoh Sembahyang Nabi" dan sebagainya adalah selari dengan ajaran dan perjuangan Rasulullah s.a.w.;dan dia perlu diteruskan.

11. MIMPI 6 AYAT PENYEMBUH

Asy-Syaikh Abu Al-Qaasim Al-Qusyairi r.A. seorang `ulamaa' dan pengarang Sufi,pernah menceritakan (pada suatu masa) seorang cahaya matanya mengidap suatu penyakit yang amat berat,beliau berkata:"Keadaan ini membuatkan saya hampir berputus asa,hilang ikhtiar;dan penyakit anak saya itu mengganggukan saya."

"Tiba-tiba (pada suatu malam) saya bermimpi berhadapan dengan wajah Nabi s.a.w.;dan saya pun mengadu kepada beliau tentang penyakit cahaya mata saya itu."

Maka beliau s.a.w. bertanya saya:

أَيْنَ أَنْتَ مِنْ آيَاتِ الشِّفَاءِ ؟

"Tahukah engkau di mana letaknya Ayat-ayat Penyembuh?"

Maka saya pun terilham,lalu saya memikirkan mengenainya (Ayat-ayat yang ada kata شفاء dan pecahannya); tiba-tiba saya mendapati Ayat Penyembuh itu terdapat pada enam tempat dalam Kitab Suci Al-Qur'an,iaitulah:

1. وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُؤْمِنِينَ

" ......Dan Allah *menyembuhkan* dada (hati) orang-orang yang beriman."

[At-Taubah: 14]

2. ﴿وَشِفَآءٌ لِّمَا فِى ٱلصُّدُورِ﴾

"Dan *penyembuh* bagi apa yang di dalam dada."
[Yuunus: 57]

3. يَخْرُجُ مِنۢ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهُۥ ﴿فِيهِ شِفَآءٌ لِّلنَّاسِ﴾

"Akan keluar daripada perutnya (lebah) minuman (manisan madu) yang beraneka warnanya, mengandungi *penyembuh* bagi manusia."
[An-Nahl: 69]

4. ﴿وَنُنَزِّلُ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَآءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ﴾

"Dan Kami turunkan daripada Al-Qur'an apa yang menjadi *penyembuh* (ubat) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman (yang mempercayainya)."
[Al-Israa':82]

5. ﴿وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ﴾

"Dan apabila saya sakit,maka Dialah yang *menyembuhkan* saya."
[Asy-Syu`araa':80]

6. ﴿قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هُدًى وَشِفَآءٌ﴾

"Katakanlah: "Dia (Al-Qur'an) menjadi petunjuk dan *penyembuh* bagi orang-orang yang beriman."
[Fushshilat: 44]

Imaam Al-Qusyairi menyambung:"Maka saya pun menuliskannya dalam satu halaman (kertas);kemudian saya menghapuskannya dengan air;lalu saya memberi minum kepada anak saya;tiba-tiba (dengan serta-merta) dia menjadi seolah-olah terlucut daripada simpulannya (sembuh dan pulih)."

12. MIMPI MELIHAT NABI S.A.W. *BERSAMA JIBRIIL `A.S.*

Asy-Syaikh Al-Hilwaani r.A. pernah menceritakan:

رأيت في النصف الثاني من رمضان سنة ١٣٠٤ ه رسول الله (ص) ومعه جبريل عليه السلام يقول : جئتك ببشارة من رب العزة وهي :

"Saya telah bermimpi selepas pertengahan Ramadhaan,tahun 1304 H. iaitu bermimpi berhadapan dengan Rasulullah s.a.w. yang datang kepada saya bersama Jibriil `a.s. di mana beliau berkata:"Saya datang kepada engkau membawa suatu berita yang menggembirakan daripada Tuhan Rabb Al-`Izzah,iaitulah: سَلَٰمٌ عَلَيۡكُمۡۖ كَتَبَ رَبُّكُمۡ عَلَىٰ نَفۡسِهِ ٱلرَّحۡمَةَ

"Kesejahteraanlah ke atasmu,Tuhan kamu telah menetapkan (pemberian) rahmat ke atas DiriNya (untuk makhlukNya)."

[Al-An`aam: 54]

ثم جاء بكتاب قديم بخط القلم فيه هذا المعنى مرويا في جملة أخبار مرفوعة الى النبي (ص) رقيقة الالفاظ مبشرة جدا واستيقظت فرحا مسرورا ، والحمدلله .

"Kemudian Jibriil datang membawa sebuah kitab lama yang mengandungi tulisan Al-Qalam membawa pengertian tadi yang diriwayatkan dalam berita-berita yang disampaikan kepada Nabi s.a.w. di mana kata-katanya lembut,sangat menggembirakan dan membangkitkan keriangan hati dan kesukaan;alhamdulillaah."

[Ruju' kitab "Rasulullaah Fi Al-Qur'an"(526-527)]

13. MIMPI LA WA LA : لا و لا

Diceritakan seorang kaya sakit. Maka pada suatu malam, dia bermimpi jumpa Nabi s.a.w.,seakan-akan beliau berkata kepadanya:

ان اردت العافية من مرضك ، فخذ "لا" و "لا" :

"Jika engkau ingin sembuh daripada penyakit engkau,maka gunakanlah "la" dan "la".

Apabila orang itu tersedar di kala pagi,dia pun pergi mendapatkan *Sufyaan At-Thauri r.A.* membawa 10,000 dirham;dan meminta `ulamaa' Taabi`iin ini menjelaskan maksud dua kata itu serta ta`birnya sekali.

Maka Sufyaan Ath-Thauri pun menjawab:

لا و لا الزيتونة ، فإن الله تعالى وصفها في كتابه : لا شَرْقِيَّةٍ

وَ لا غَرْبِيَّةٍ ....

"Maksud *la wa la* itu ialah Ayat Al-Qur'an yang ada hubungan dengan Zaitun;kerana sungguhnya Allah menyifatinya dalam kitabNya : ....

زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ

"(....pohon yang banyak berkatnya,iaitu) pohon *Zaitun* yang tumbuh tidak di sebelah timur (sesuatu) dan tidak (pula) di sebelah barat (nya),di mana minyaknya (sahaja) hampir-hampir *menerangi* (sendiri) sekalipun tidak dijilat api."

[An-Nuur:35]

Sufyaan menyambung:"Gunakanlah harta engkau ini untuk mengasihi orang miskin dan bersikap lemah-lembut kepada mereka."

Kemudian orang tadi pun berubat dengan Zaitun,lalu Allah mengafiatkannya dengan berkat panduan Nabi dalam mimpi;dan dengan sebab dia membesar dan menghargai mimpinya itu.

[Ruju' kitab "Tafsiir Wa Al-Ahlaam "(26): Ibnu Siriin dan An-Nablusi]

Ya, begitulah beberapa cerita mimpi jumpa Nabi s.a.w. di mana semuanya memberikan kebaikan kepada seseorang ,sama ada secara segera atau lambat.

14. APA YANG DILAKUKAN *BILA MIMPI JUMPA NABI?*

Bukanlah semua orang telah dikurniakan bermimpi jumpa Nabi s.a.w. dan berdialog dengan beliau. Jelas bahawa mimpi ini,selain dia diusahakan,adalah dia merupakan suatu kurnia Allah yang besar kepada seseorang hamba yang dikehendakiNya.

Justeru itu apabila seseorang telah bermimpi jumpa Nabi s.a.w.,maka hendaklah dia menyesuaikan diri dengan melakukan sesuatu adab berkenaan.

Abu Sa`iid Al-Khudri r.A. menyebutkan bahawa dia pernah mendengar Nabi s.a.w. bersabda:

إِذَا رَأَى أَحَدُكُمْ رُؤْيَا يُحِبُّهَا ، فَإِنَّمَا هِيَ مِنَ اللهِ تَعَالَى ، فَلْيَحْمَدِ اللهَ عَلَيْهَا وَلْيُحَدِّثْ بِهَا .

"Apabila seseorang kamu mendapat mimpi yang disukai, sungguhnya dia adalah datang daripada Allah Ta`aala,maka hendaklah dia *memuji Allah* terhadap kurniaan mimpi itu dan hendaklah dia *menceritakan* kepada orang lain (sebagai tanda gembira)."

[Al-Hadith]

Manakala *Abu Qataadah r.A.* pula memberitakan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

فَإِنْ رَأَى رُؤْيَا حَسَنَةً فَلْيُبْشِرْ ، وَلاَ يُخْبِرْ إِلاَّ مَنْ يُحِبُّ

"Maka jika seseorang memperoleh mimpi yang baik,hendaklah dia merasa gembira;dan janganlah dia memberitakan melainkan kepada orang yang disukai."

[H.R. Muslim]

Bagi siapa yang mensyukuri ni`mat mimpi ini,dia akan mendapat lagi beberapa mimpi yang baik sebagaimana perjanjian Allah:

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ

".....Seandainya kamu mensyukuri (Ku), nescaya Aku akan tambahkan lagi kepadamu......"

[Ibraahiim: 7]

Syukur ialah dengan mengucapkan kata-kata pujian terhadap Allah,lalu diikuti dengan menyahut panggilan Allah dan Rasul.

Seandainya anda belum banyak mengikut Sunnah (Perjalanan Hidup) Nabi s.a.w. ;berikutan dengan perolehan mimpi ini,hendaklah anda segera menyesuaikan diri dengan melaksanakan Sunnah Nabi s.a.w. dalam semua bentuk `ibadah dan yang bukan `ibadah (yang dikirakan sebagai `ibadah ,seperti makan dengan niyat mendapat tenaga bagi melaksanakan kefardhuan Agama);malah dalam semua aspek hidup.

15. TA`BIR DAN NAJITAH *MIMPI JUMPA NABI S.A.W.*

Pada keseluruhannya bermimpi jumpa Nabi s.a.w. dita`bir atau dijelaskan bermaksud membawa *kebaikan* kepada pemimpi. Dalam perpustakaan buku-buku Islam,terdapat banyak buku yang mengupaskan masalah mimpi;khususnya mimpi bertemu dengan Junjungan Nabi s.a.w.

Khaalid Al-`Anbari ,pengarang buku "Qaamus Tafsiir Al-Ahlaam"(112) pernah menulis:

رؤيته بشارة للرائي بحسن العاقبة في دينه ودنياه

"Bermimpi jumpa Nabi s.a.w. merupakan suatu berita gembira bagi pemimpi dengan memperoleh natijah yang baik dalam Agamanya dan dunianya."

Manakala *Al-Ustaadz Abu Sa`iid* pula menulis:

قد بعث الله محمد (ص) رحمة للعالمين، فطوبى لمن رآه في حياته فاتبعه، وطوبى لمن يراه في منامه.

"Sungguhnya Allah telah membangkitkan Nabi Muhammad s.a.w. untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam;maka bertuahlah bagi siapa yang melihat beliau semasa beliau masih hidup lalu mengikutnya;dan bertuahlah (juga) siapa yang melihat beliau dalam mimpi." [Ruju` "Tafsiir Al-Ahlaam" (23):Ibnnu Siiriin dll.]

Mena`birkan mimpi bukanlah suatu perkara yang mudah. Mimpi membawa tanda-tanda. Manakala Allah Sendiri menjadikan manusia boleh berfikir mengenai lambang-lambang dan tanda-tanda;juga isyarat.Misalnya mimpikan keluarga yang telah meninggal,di mana dia mengajak pemimpi ke-tempatnya: biasanya dita`birkan pemimpi itu akan meninggal dunia tidak lama lagi.

Sebaliknya pula kalau mimpi akan mati berikutan sesuatu trajedi;dia bukanlah bererti "mati";cuma meminta kewaspadaan agar tidak mati.

Semua orang tahu bahawa Rasulullah s.a.w. adalah seorang Rasul agung,puncak sekalian Rasul Ulu Al-`Azm;tentulah seorang manusia yang paling bahagia dan tempat kembali beliau *pastilah ke Syurga.*

Jadi,dari segi logiknya, setiap orang yang bermimpi bertemu dengan Nabi s.a.w. adalah membawa makna bahawa orang itu akan turut bahagia bersama Nabi s.a.w.;malah akan dapat masuk "Syurga."

Marilah kita tinjau apa kata S.H.Alattas dalam bukunya "Rahsia Mimpi Anda"(73): Jika ditakdirkan Allah anda melihat (mimpi) Rasulullah,alamat anda akan masuk Syurga;tetapi jika orang Kaafir bermimpi,mesti satu hari dia akan memeluk Islam.

Ilmu Ta`bir Mimpi menyebutkan peribadi (diri) Rasulullah s.a.w. adalah bagaikan cermin muka (tilik). Bila seseorang dikurniakan mimpi jumpa Nabi s.a.w.,maka ada dua perbandingan yang perlu diperhatikan,iaitu:

1. Keadaan perawakan Nabi s.a.w.:

Jika anda bermimpi melihat perawakan beliau yang penuh (cukup anggota,dari bawah ke atas),maka dia dita`birkan sebagai suatu pengertian yang meliputi.

(Mimpi pertama penulis terjelas bahagian tubuh beliau sebelah atas,maka penulis ta`birkan dari segi *keruhanian* atau *ilmu*;dia membawa natijah penulis menjadi seorang yang berilmu Agama,kemudiannya;juga dapat memahami bahasa `Arab,sekalipun cuma sehari belajar di Sekolah `Arab Jaami` Merbau (03.01.1953);sebab kemudiannya penulis terpaksa menerima tawaran menjadi guru).

2. Keadaan atau Suasana Hidup Pemimpi:

• Dari segi ini seseorang pemimpi hendaklah segera memerhatikan keperihalan diri sendiri dalam beberapa aspek,seperti aspek `aqiidah,ilmu,`ibadah, akhlak-sosial,ekonomi (taraf hidup),politik,kedudukan, kesihatan,percintaan,suasana tempat,suasana bid`ah atau sunnah , pergerakan dan sebagainya.

(Mimpi pertama penulis adalah berlaku sewaktu penulis di peringkat Sekolah Menengah (Lulusan Kelas Tujuh Aliran Melayu),di mana mimpi itu dita`birkan meminta penulis belajar sehingga berjaya. Manakala sabda Nabi padanya :"*Anta belajarlah Agama anta,Islam!!"* Adalah jelas sekali maksudnya).

Justeru itu *Abu Bakar Idris* dalam bukunya "Ta`bir Mimpi"(2:4) menulis: Jika (orang Islam) bermimpi melihat Rasulullah,alamat dia akan masuk Syurga;dan jika dia orang Kaafir,alamat dia akan masuk Islam (berdasarkan suasana `aqidah -P).

Abu Sa'd B.Muhammad Ibnu Nashr pernah berkata:

من رأى نبيا على حاله وهيئته ، فذلك دليل على صلاح الرائي وكمال جاهه وظفره بمن عاداه . ومن رآه متغير الحال عابسا مثلا ، فذاك دال على سوء حال الرائي .

"Siapa bermimpi melihat seseorang Nabi menurut keadaan dan keperihalannya (yang biasa lagi baik) maka mimpi itu menunjukkan kebaikan pemimpi dan sempurna keperkasaan dan kemenangannya terhadap musuh-musuhnya. Dan siapa bermimpi melihatnya dalam keadaan berubah keperihalannya seperti dalam keadaan masam muka,maka mimpi itu menunjukkan keburukan orang yang bermimpi (dan meminta dia mengubahkan sikapnya dengan segera -P).

Selanjutnya bagi memahami timbal balik keadaan dan suasana pemimpi,difatwakan bahawa natijah mimpi akan menjadi kebalikan (sebalik) daripada keadaan atau suasana yang dihadapi pemimpi semasa itu.Walau bagaimana pun,semuanya membawa natijah atau kebalikan yang baik. Sebagai contohnya seorang yang bermimpi jumpa Nabi s.a.w. semasa dia dalam keadaan duka atau dirondong malang,maka keadaannya akan berubah menjadi riang-gembira dan mendapat pembelaan.

Maka begitulah seterusnya terhadap suasana-suasana seperti yang telah disebutkan tadi:

Jika dalam kekufuran, natijahnya masuk Islam.

Jika dalam kebodohan,natijahnya memperoleh ilmu.

Jika dalam kemalasan ber`ibadah,natijahnya akan menjadi rajin dan shaalih.

Jika dalam akhlak buruk,natijahnya akan menjadi seorang yang bersopan-santun.

Jika dalam kemiskinan,natijahnya akan menjadi seorang kaya.

Jika kalah dalam politik,natijahnya akan menjadi pemimpin.

Jika mempunyai kedudukan rendah,natijahnya akan mendapat kedudukan tinggi.

Jika dalam kesakitan,natijahnya akan bertukar menjadi sihat dan segar.

Jika seorang gagal dalam percintaan,natijahnya dia akan memperoleh jodoh yang baik.

Jika seorang melihat beliau berada di suatu tempat huruhara,natijahnya tempat itu akan berada dalam keamanan.

Jika beliau berada di tempat yang kemarau,natijahnya tempat itu akan berada dalam musim hujan yang baik.

Jika dia sedang melakukan bid`ah,natijahnya dia akan beralih mengamalkan Sunnah Nabi s.a.w.;dan demikianlah seterusnya.

Suatu perkara lagi, perlu diperhatikan *pergerakan Nabi s.a.w.* : Jika dilihat beliau sedang berjalan,maka ta`birnya bahawa beliau meminta umatnya agar berjihad dan teguh memegang Agama.

(Mimpi kedua penulis terjelas Nabi s.a.w. berjalan dengan pantas bersama Angkatan Perang pimpinan beliau;ini dita`birkan beliau meminta penulis berjihad sepenuhnya :baik dari segi jiwa (termasuk kegiatan ruh yang berterusan), tenaga dan hartabenda(penerbitan buku).

Demikianlah juga bila beliau sedang menunaikan `ibadah Haji,maka ta`birnya pemimpi akan segera dapat mengerjakan Haji.

16. FAEDAH-FAEDAH MIMPI *JUMPA NABI S.A.W.*

Di sana sini di dalam tajuk-tajuk yang lalu terutama dalam Kata Pengantar dan Ta`bir Mimpi telah disebutkan guna atau kepentingan bermimpi jumpa Nabi s.a.w. secara umum.

Di sini didedahkan lagi beberapa faedah utama:

1. Dapat mengenal wajah Nabi s.a.w.:

Antara lain berdasarkan bahawa *Abu Hurairah r.`a.* memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ رَآنِيْ فِيْ الْمَنَامِ ، فَكَأَنَّمَا رَآنِيْ فِيْ الْيَقَظَةِ ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ يَتَمَثَّلُ بِـيْ .

"Siapa melihat saya dalam tidur,maka seolah-olahnya dia melihat saya dalam masa jaga;kerana sungguhnya syaitan itu tidaklah boleh menjelema dengan rupa saya."

[H.R.Al-Bukhaari,Muslim dan Abu Daawuud]

مَنْ رَآنِيْ فِيْ نَوْمِهِ فَكَأَنَّمَا رَآنِيْ حَقِيْقَةً ، إِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ تَمَثَّلُ بِالْأَنْبِيَاءِ .

"Siapa melihat saya dalam tidurnya,maka seakan-akan dia melihat saya (dengan rupa) yang sebenar;sungguhnya syaitan tidaklah boleh menjelema dengan rupa para Nabi." [Al-Hadith]

Abu Sa`iid Al-Khudri r.`a. ;juga *Abu Qataadah r.`a.* memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ رَآنِي فَقَدْ رَأى الْحَقَّ ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لاَ يَتَكَوَّنُنِي .

"Siapa bermimpi melihatku,maka sungguhnya dia melihat (rupaku) yang sebenar;kerana sungguhnya syaitan itu tidaklah boleh menyerupaiku."

[H.R.Al-Bukhaari,Muslim,At-Turmudzi dan Ahmad]

Di samping itu terdapat juga lafadz:

مَنْ رَآنِي فَقَدْ رَآهُ حَقًّا

"Siapa bermimpi melihatku,maka sungguhnya dia melihat penglihatan yang sebenar." [Al-Hadith]

2. *Akan menambahkan keimanan terhadap beliau:*

Dengan meneliti Hadith-hadith dalam perkara Satu di atas dapat membuahkan pengertian bahawa dengan mengenal membawa kepada cinta;dan seterusnya cinta membawa kepada pertambahan *iman.*

Ahmad Fariid dalam bukunya "Ta`jiil As-Saqya Fi Ta`biir Ar-Ru'ya "(10) pernah menulis:

ولما كانت الرؤيا الصالحة من الله عزوجل ، فإنها يصحبها

من انشراح الصدر، وزيادة الايمان، ما يميز به المؤمن أنها

من فضل الله ورحمته .

"Di kala kewujudan mimpi yang baik itu daripada Allah `Azza Wa Jall,maka sungguhnya dia

menjadikan seseorang memperoleh kelapangan dada dan pertambahan iman,di mana akan ternyata kepada seseorang Mu'min bahawa mimpi itu adalah daripada kurniaan dan rahmat Allah."

3. Memperoleh Syurga dan terhalang dari Neraka:

Abu Hurairah r.'a. memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ رَآنِي فَلَهُ الْجَنَّةُ وَغَفَرَلَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ

"Siapa bermimpi melihat saya,maka dia akan memperoleh Syurga;dan diampunkan segala dosanya yang terdahulu dan yang terkemudian." [Al-Hadith]

مَنْ رَآنِي فِي الْمَنَامِ دَخَلَ الْجَنَّةَ

"Siapa melihatku dalam tidur,dia akan memasuki Syurga."

[Al-Hadith]

Anas B. Maalik r.'a. pula memberitakan Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ رَآنِي فِي الْمَنَامِ فَلَنْ يَدْخُلَ النَّارَ

"Siapa yang melihatku dalam tidur,maka tidaklah sekali-kali dia akan masuk Neraka."

[H.R.Al-Bukhaari,Muslim dan Ahmad]

Adakah lagi suatu kepentingan yang lebih besar daripada memperoleh Syurga dan terhalang dari Neraka??

Di samping itu *Sa`iid B.Qais* mengambil berita daripada bapanya bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

لَنْ يَدْخُلَ النَّارَ مَنْ رَآنِيْ فِيْ الْمَنَامِ

"Tiḍaklah sekali-kali akan masuk Neraka orang yang melihatku dalam tidur."

[Al-Hadith :tidak termasuk kumpulan Hadith *Rekaan*]

3. Memperoleh ni`mat keruhanian yang besar yang boleh mempengaruhi dalam kehidupan:

Pada keseluruhannya orang yang memperoleh mimpi jumpa Nabi s.a.w. adalah orang yang memperoleh kebertuahan hidup. Bila `aqiidahnya teguh dek bukti wajah Nabi, maka semuanya ini akan membawa dia *bertaqwa kepada Allah S.W.T.* ; sedang ketaqwaan itu adalah mempunyai nilai yang paling tinggi (mulia).

Imaam Asy-Sya`raani r.A. menyebutkan Nabi s.a.w. bersabda:

مَنْ صَلّى عَلَيَّ رَآنِيْ فِيْ مَنَامِهِ. وَمَنْ رَآنِيْ فِيْ مَنَامِهِ رَآنِيْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، وَمَنْ رَآنِيْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ شُفِّعَتْ لَهُ ، وَمَنْ شُفِّعَتْ لَهُ شُرِبَ مِنْ حَوْضِيْ وَحَرَّمَ ا للهُ جَسَدَهُ عَلَى النَّارِ .

"Siapa berselawat ke atasku,dia akan melihatku dalam tidurnya. Dan siapa yang melihatku dalam tidur-

nya,dia akan melihatku di Hari Kiamat;dan siapa melihatku di Hari Kiamat,dia akan disyafa`ahkan;dan siapa yang disyafa`ahkan,dia akan diberi minum daripada kolamku dan Allah akan mengharamkan Neraka dari mempengapakan jasadnya."

[Ruju` "Al-Mukhtashar Ma`aani Asmaa' Allah Al-Husna"(158-159)]

مَنْ رَآنِيْ فِيْ نَوْمِهِ رَآنِيْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، وَمَنْ رَآنِيْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَشَفَّعْتُ لَهُ ، وَمَنْ تَشَفَّعْتُ لَهُ شُرِبَ مِنْ حَوْضِيْ ، وَمَنْ شُرِبَ مِنْ حَوْضِيْ حَرَّمَ اللهُ جَسَدَهُ عَلَى النَّارِ .

"Siapa yang melihatku dalam tidurnya,dia akan melihat (berjumpa)ku di Hari Kiamat;siapa melihatku di Hari Kiamat,aku akan mensyafa`ahkan untuknya;siapa yang aku syafa`ahkan untuknya,dia akan diberi mimum daripada kolamku;dan siapa yang diberi minum daripada kolamku,maka Allah mengharamkan Neraka mempengapakan jasadnya."

[Al-Hadith - ruju` "Tafsiir Al-Ahlaam" :Ahmad Ash-Shabaahi `Audhillaah "(93)]

Seterusnya *Ahmad Ash-Shabaahi* (94) menulis:

ومن رآه في منامه حسنت خاتمه ، وضمن شفاعته (ص) ، وله الجنة ، ويغفر الله له ولابويـه ان كانا مسـلمين ، وكأنما ختم القـرآن اثنـى عشـر مـرة ، ويهـون الله عليـه سـكرات الموت ، ويرفع عنه عذاب القبر ، ويؤمنه أهوال يوم القيامـة ، ويقضى جميع حوائجه في الدنيا والآخرة بلطفه وكرمه .

"Siapa bermimpi jumpa Nabi s.a.w.,dia akan memperoleh *Husn Al-Khaatimah* (Penyudah Hidup Yang Baik), memperoleh jaminan syafa`ah Nabi s.a.w.,memperoleh Syurga, Allah akan mengampunkan dosa-dosa kedua ibubapanya,bila mereka beragama Islam; keadaannya seolah-olah dia mengkhatami Al-Qur'an, 12 kali;Allah akan memudahkannya menghadapi sakaraat al-maut (kematian),Dia akan melepaskannya daripada seksaan kubur,Dia akan menyelamatkanya daripada huruhara Kiamat;dan dia akan diberikan segala hajat dan keperluannya di dunia dan di Akhirat."

Bagi melihat faedah bermimpi jumpa Nabi s.a.w. secara teperinci,eloklah disenaraikan apa yang telah disebut dalam Hadith dan juga pendapat para `ulamaa' mengenainya,iaitu:

1. Dapat mengenal wajah Nabi Penutup Para Rasul.
2. Menambahkan keimanan terhadap Nabi dan perutusannya.
3. Memperoleh ni`mat keruhanian yang besar.
4. Memperoleh Husn Al-Khaatimah.
5. Mudah menghadapi sakaraat al-maut (kematian).
6. Dilepaskan daripada seksaan kubur.
7. Selamat daripada huruhara Kiamat.
8. Dapat *masuk Syurga.*
9. Terselamat dari masuk Neraka.
10. Akan berjumpa Nabi s.a.w. di Hari Kiamat.
11. Akan memperoleh syafa`ah (pertulungan) Nabi.
12. Akan dapat minum daripada Kolam (Haudh) Nabi.
13. Terhindar dari menjadi mangsa Neraka.
14. Terampun dari segala dosa terdahulu dan kemudian.
15. Memperoleh kegembiraan yang baik daripada Allah dengan kebaikan dunia dan Akhirat.
16. Akan diampunkan dosa kedua ibubapa.
17. Mendapat segala hajat dunia dan Akhirat.
18. Seolah-olah mengkhatami 12 kali Al-Qur'an.
19. Terlapang dada.
20. Tertenang hati.
21. Terlepas dari bala'-bencana.
22. Terjinak (lembut) tabi`at yang liar.
23. Memperoleh baik sangka terhadap Allah sesudah memperoleh berita gembira daripadaNya ;sebalik dari mimpi buruk yang mendukakan *(Al-Baghawi).*

17. TAFSIRAN MELIHAT NABI *DALAM MASA JAGA*

Abu Hurairah r.'a. mendengar sendiri Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ رَآنِي فِي الْمَنَامِ فَسَيَرَانِي فِي الْيَقَظَةِ ، (أَوْ لَكَأَنَّمَا رَآنِي فِي الْيَقَظَةِ)، لاَ يَتَمَثَّلُ الشَّيْطَانُ بِي .

"Siapa melihatku di dalam tidur,maka dia akan melihatku dalam masa jaga;(atau: benar-benar seolah-olah dia melihatku dalam masa jaga);(sebab) syaitan tidaklah boleh menjelema dengan rupaku."

[H.R.Al-Bukhaari dan Muslim]

Imaam An-Nawawi r.A. dalam kitabnya "Syarh Muslim" (15:26-27) pernah menjelaskan maksud فسيراني في اليقظة (maka dia akan melihatku dalam masa jaga),dengan keterangan berikut:

(1) Dia dimaksudkan kepada orang-orang yang hidup di zaman beliau,iaitu siapa bermimpi melihat beliau,sedangkan orang itu belum berhijrah,maka dia akan ditaufiqi Allah untuk berhijrah dan melihat wajah beliau secara terang-terangan.

(2) Dia juga bermaksud pemimpi akan berjumpa dengan Nabi s.a.w. dalam keadaan jaga di Akhirat (bukan di dunia);sebab sungguhnya semua umatnya akan melihat beliau di Akhirat, iaitu bagi siapa yang pernah melihat dan yang belum melihat beliau s.a.w.

(3) Bermaksud dia akan melihatnya di Akhirat sebagai suatu penglihatan yang istimewa baginya dalam suasana hampir dengannya,memperoleh syafa`ahnya dan sebagainya.

Di samping itu menurut *Ibnu Abi Jamrah r.A.* bahawa para Sahabat seperti *Ibnu `Abbaas r.`a.* dan lain-lain pernah bermimpi jumpa Nabi s.a.w. selepas beliau wafat. Sesudah bermimpi itu,mereka mengambil cermin muka Rasulullah s.a.w.;tiba-tiba terdapat wajah Rasulullah s.a.w. di dalamnya.

[Ruju` kitab "Ar-Ru'a Wa Al-Ahlaam" (71):Ibnu Hajar Al-`Asqalaani]

Selanjutnya sabda Nabi s.a.w. di atas memberikan dua faedah,iaitu:

1. Untuk memberikan berita gembira kepada pemimpi dengan maksud: *".....maka dia akan melihat (bertemu) Nabi s.a.w. dalam masa jaga di Hari Kiamat."*

2. Untuk memuliakan pemimpi dengan maksud: *"...... seolah-olah dia melihatnya sewaktu jaga (salin tak tumpah) ;"* sebagai suatu ni`mat kemuliaan semasa di-dunia,sekalipun dia tidaklah hidup di Zaman Hayat Nabi s.a.w.

Imaam Al-Qurtubi r.A. menolak pendapat yang mengatakan siapa bermimpi melihat Nabi s.a.w. maka sungguhnya dia melihatnya *secara hakikat* dimana dia akan melihatnya dalam masa jaga (sebelum matinya);sekalipun dengan alasan sebagai suatu kekeramatan kepada orang yang bermimpi - apabila dia di kalangan *Wali Allah.*

[Ruju` kitab "Ar-Ru'a Wa Al-Ahlaam"(72)]

Mufti `Arab Sa`uudi , *`Ab. `Aziiz B.Baaz* pernah mengemukakan Ijmaa` *Ahlu As-Sunnah :*

أن رسول الله (ص) لا يرى في اليقظة بعد موته (ص) .

"Sungguhnya Rasulullah s.a.w. sesudah beliau wafat,tidaklah lagi dilihat (oleh umat) *dalam keadaan jaga.*"

Sesiapa yang menyangka (sebaliknya) oleh kejahilan orang *Sufi* (Tariqat) yang mengatakan Rasulullah dapat dilihat dalam masa jaga atau belum hadhir di tempat kelahiran atau yang sepertinya,maka sungguhnya dia telah terlibat dengan seburuk-buruk kesilapan dan penyelewengan yang paling samar;seterusnya dia telah terjatuh ke dalam kesalahan yang besar dan menyalahi Kitab Suci Al-Qur'an,As-Sunnah dan Ijmaa` *Ahlu Al-`Ilm* (Ilmuwan Islam);kerana orang yang mati itu cuma dia akan keluar daripada kubur mereka ialah pada Hari Kiamat sahaja.

[Ruju` "Membongkar Rahsia Penyelewengan Bermimpi Jumpa Nabi Dan Tafsiran Melihat Di Kala Jaga"(113):Penulis]

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

١. القرآن الكريم

٢. كتب الستة

٣. تعطير الانام : ابن سيرين

٤. تفسير الاحلام : ابن سيرين والنابلسي

٥. تفسير الاحلام من وحي الدين والعلم :
دكتور عبدالمنعم بدر ، احمد الصباحي عوض الله

٦. قاموس تفسير الاحلام : خالد العنبري

٧. تعبير الرؤيا الصغير : ابن سيرين

٨. الرؤى والاحلام في ضوء الكتاب والسنة:
الحافظ ابن حجر العسقلاني

٩. رؤى النبي واحلام الصحابة : محمد عبدالعزيز الهلاوي

١٠. منامات الرسول : مجدي فتحي السيد

١١. تعجيل السقيا في تعبير الرؤيا : احمد فريد

١٢. الرؤيا وما يتعلق بها : عبدالله بن جار الله والجماعة

١٣. احكام تفسير الرؤيا والاحلام في القرآن الكريم

١٤. رسول الله في القرآن الكريم : حسن كامل الملطاوي
١٥. مفاتيح من المفاتيح من مفاتيح الفرج:
محمد عطية خميس ، عبدالوهاب ميت كيس
١٦. مختصر معاني اسماء الله الحسنى : محمود سامي بك
١٧. خزينة الاسرار : السيد محمد حقي النازلي
١٨. كنوز الاسرار : عبدالله بن محمد الهاروشي الفاسي
١٩. البردة : الشيخ شرف الدين البوصيري
٢٠. دلائل الخيرات : سيدي ابي عبدالله محمد الجزولي
٢١. شمس المعارف الكبرى
٢٢. كتاب الاذكار : قطب الاقطاب
٢٣. مجموع السيد احمد بن دحلان
٢٤. مجمع الحديث
٢٥. منبع السعادات : مصطفى البابي الحلبي
٢٦. المفاخر العلية
٢٧. مجربات الديربي الكبير : الشيخ احمد الديربي
٢٨. مجربات : الشيخ ابي عبدالله محمد بن يوسف
السنوسي الحسني

٢٩. شرح ورد الدردير : سيد احمد الصاوي

٣٠. لمعة الاوراد : وان علي بن حاج وان عبدالرحمن كوتن

٣١. مجمع القصائد والعوائد : الشيخ وان علي كوتن

٣٢. رهسيا ممفي اندا : سيد حسين العطاس

٣٣. ممفي : ابو بكر ادريس

٣٤. هوراين ممفي : علي ذوالفقار

٣٥. مغوغكف تعبير ممفي : نور ا لله فوزي فوزا (فوزن)

٣٦. مجربات مجرب فساك علم حكمة : نورا لله فوزي فوزا

٣٧. كقواتن غائب دباليق عالم يات : محمد انوار

٣٨. فركورروان اكوغ حكمة : كورو احمد ايل عيم ايس ، منور الحسني ، بي ايه

٣٩. كليه علم غائب : زنوري اليوسع

٤٠. مجربات ملايو لغكف : مصنف افندي

٤١. مجربات بسر دان لغكف : محمد سونرتو

٤٢. مجربات علم غائب :محمد عبدالمجيب

٤٣. رهسيا كعجائفن معجزة القرآن : حاج احمد نفيع الدين

٤٤. ممبوغكر رهسيا ڤليويغن برممڤي جومڤا نبي دان تفسيران
مليهت دكالا جاك : عبدا لله القاري
٤٥. علم ڤنرغ هاتي دان تناك ڤڠيڠت : دكتور روحاني
٤٦. ڤريس حكمة اورغ اسلام : دكتور روحاني
٤٧. همڤونن جمڤي ڤراوباتن نبي : عبدا لله القاري
٤٨. منحاري كتناغن رومهتڠك : عبدا لله القاري
٤٩. براوبت دغن القرآن : عبدا لله القاري
٥٠. سلسلة الاحاديث الصحيحة : الشيخ محمد ناصر الدين الالباني
٥١. كتاب الموضوعات : الامام ابن الجوزي
٥٢. تذكرة الموضوعات :العلامة محمد طاهر الهندي
٥٣. الاحاديث الموضوعة في الاحكام المشروعة :
الامام ابي حفص عمر الموصلي
٥٤. الاحاديث الموضوعة : الامام السيوطي والمناوي
٥٥. الكنز الثمين : ابي الفضل عبدا لله الحسن
٥٦. كشف الخفاء : المفسر المحدث الشيخ اسماعيل العجلوني
٥٧. اسنى المطالب : الحوت البيروتي
٥٨. النوافح العطرة في الاحاديث المشتهرة : الامام محمد اليمني
٥٩. مختصر المقاصد الحسنة : الامام الزرقاني
٦٠. كتاب تمييز الطيب من الخبيث : العلامة عبدالرحمن الشيباني
٦١. زوائد الاجزاء المنثورة : عبدالسلام بن محمد بن عمر علوش